

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENGENALAN ASAS KEPADA KAUNSELING DAN DAKWAH

1.1 KAUNSELING

Dalam bab pertama ini penulis akan membincangkan dua perkara utama iaitu kaunseling dan dakwah. Untuk membincangkan tajuk di atas penulis akan menjelaskan tentang pengenalan asas kepada kaunseling. Kemudian diikuti pula dengan dakwah. Ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tentang objek yang akan dikaji.

1.1.1 Definisi Kaunseling

Perkataan kaunseling berasal daripada perkataan Inggeris *counseling*. Ia berasal dari kata kerja “*to council*” yang bererti nasihat, menasihatkan, mengemukakan cadangan (pendapat) dan mengesyorkan.¹

Menurut Mark E. Young, kaunseling sebagai suatu proses pembentukan yang diberi untuk membolehkan individu berkembang secara

¹Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dwi Bahasa*, Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia, Kuala Lumpur, 1990, hal. 279.

normal dengan pertolongan atau bantuan kaunselor. Mereka dapat menerima pengalaman yang belum pernah dirasai untuk disesuaikan dengan diri seseorang individu itu.²

Wan Abdul Kader Wan Ahmad mengatakan bahawa kaunseling merupakan proses pembelajaran yang menekankan kepada membantu individu menemui serta mencapai segala kehendaknya, membimbing dan menilai potensinya, membina tujuan hidup, menggubal dan merancangkan tindakan bagi memenuhi tujuan mereka.³

Selanjutnya Suradi Salim pula mengatakan bahawa kaunseling adalah hubungan tololng bantu yang berpusatkan kepada perkembangan dan pertumbuhan seseorang individu serta penyesuaian dirinya dan kehendaknya kepada penyesuaian masalah, juga kepada kehendak membuat keputusan.⁴

Manakala Tang Chee Yee pula menyatakan bahawa kaunseling merupakan proses interaksi yang dapat menolong seseorang individu itu

²Mark E. Young, *Counseling Methods And Techniques An Eclectic Approach*, Macmillan Publishing Company, Statson University, New York, 1992, hal. 10.

³Wan Abdul Kader Wan Ahmad, *Kaunseling Kelompok Berstruktur Pengurangan Kebimbangan Sosial*, cet. 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994, hal. 28.

⁴Prof. Dr. Suradi Salim, *Bimbangan Dan Kaunseling*, cet. 1, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1996, hal. 253.

memahami sahsiah dan alam dipersekitarannya. Dengan itu dapat membantu dan menetapkan matlamat dan nilai hidupnya yang menjadi asas tingkah laku individu itu.⁵

Menurut David Capuzzi pula, kaunseling adalah suatu proses interaksi yang bermakna dan memberi fahaman mengenai diri individu/klien dan persekitarannya serta membolehkan individu yang dibantu itu dapat mengetahui tujuan dan nilai hidupnya pada masa akan datang.⁶

Manaka Rolla May pula, menyatakan bahawa kaunseling adalah suatu proses untuk mengenalpasti dan memahami segala kekuatan dan kelemahan yang ada. Seterusnya mengenalpasti potensi yang ada dalam diri insan itu seperti minat, bakat, kecemerlangan dan seumpamanya.⁷

Menurut Kamaruddin Hj. Husin pula, kaunseling ialah suatu proses menolong, dibina atas hubungan yang mesra di antara kaunselor dengan klien untuk membantunya melalui daya usahanya sendiri mengenal kerangka

⁵Tang Chee Yee, *Bimbingan Dan Kaunseling Untuk Sekolah Rendah Dan Menengah*, cet. 1, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1996, hal. 10.

⁶David Capuzzi Douglas R. Gross, *Introduction To Counseling Perspectives For The 1990s*, Allyn and Bacon, Massachusetts, United State Of America, 1991, hal. 8.

⁷Rolla May, *The Art Of Counseling*, Rupa & Co, Gardner Press, Inc, New York, 1993, hal. 18.

dalam dirinya dan mengembangkan kebolehan dan kemampuannya untuk memperoleh kesejahteraan hidupnya.⁸

Berdasarkan kepada huraian di atas, maka dapat disimpulkan bahawa kaunseling adalah suatu proses bantuan yang dijalankan oleh kaunselor untuk mengubah tingkah laku klien, membantunya dalam membuat pilihan, keputusan dan menyelesaikan masalah klien dengan baik serta menjalinkan hubungan yang erat sehingga klien benar-benar merasai ada orang lain dalam hidupnya dapat membantu dalam keadaan terganggu ataupun semasa mempunyai sesuatu masalah.

1.1.2 Tujuan Kaunseling

Tujuan dan matlamat kaunseling bergantung kepada asas andaian teori dan falsafah yang dianuti oleh seseorang kaunselor. Setiap perkataan dalam kaunseling mempunyai tujuan dan matlamat yang tersendiri dan ia selalunya berbeza. Kesemua proses terapi (*therapy*)⁹ mempunyai matlamat.

⁸Kamaruddin Hj. Husin, *Sekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak*, cet. 1, Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1996, hal. 90-91.

⁹Therapy: Apa juga kaedah yang digunakan untuk merawat sesuatu penyakit atau keadaan emosi kurang sihat. Lihat Sharifah Alawiah Al-Sagof, *Psikologi Pendidikan II, Psikologi Pembelajaran Dan Kognitif, Bimbingan Dan Kaunseling*, Longman Malaysia Sdn. Bhd. cet. IV, Petaling Jaya, Selangor, 1992, hal. 420.

Sehubungan dengan ini bahawa tujuan kaunseling adalah sebagai berikut:

1.1.2.1 Untuk membuat perancangan dan alternatif. Dalam hal ini, kaunselor akan membantu klien mendapatkan maklumat dan penelitian yang diperlukan untuk membuat keputusan dan mendapatkan penerimaan atau penjelasan tentang ciri-ciri peribadi tertentu yang mungkin ada kaitan dengan keputusan tersebut.¹⁰

1.1.2.2 Untuk membentuk personaliti,¹¹ mencari pengertian dalam kehidupan, menyembuhkan gangguan emosi untuk mencapai kesempurnaan hidup, mengurangkan kebimbangan dan kerisauan, membuat penyesuaian dalam masyarakat dan untuk menyelesaikan masalah.¹²

1.1.2.3 Untuk mencari cara-cara bagi individu menghubungkan pengetahuan luar dengan dirinya sendiri agar pengetahuan tersebut menjadi

¹⁰ Egn, Gerard, *The Skilled Helper: A Problem Management Approach To Helping*, Brooks/Cole Publishing Company, Pacific Grove, California, 1994, hal. 48.

¹¹ Personaliti ialah sifat-sifat yang ada pada seseorang individu, seperti cara berfikir, beraksi, beremosi, bersepsi dan lain-lain yang membolehkannya dibezakan dengan orang lain. Lihat: Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 2, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992, hal. 257.

¹² Suradi Salim, *op.cit.*, hal. 251.

sebahagian dirinya dan dapat digunakan untuk tingkah laku penyelesaian masalahnya.¹³

1.1.1.4 Untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh klien dalam proses penerokaan masalah. Dengan ini kaunselor dengan mudah dapat menentukan arah tujuan tentang matlamat dan tujuan yang hendak dicapai oleh klien.¹⁴

1.1.2.5 Untuk menjadikan kaunselor seorang yang bertanggungjawab terhadap kliennya dengan mendidik supaya menjadi lebih rasional. Di samping itu juga perkhidmatan kaunseling adalah dengan tujuan untuk menjadikan klien itu seorang yang lebih yakin kepada kekuatan dalam diri dan kuasa yang ada padanya, meninggalkan sifat-sifat negatif, sebaliknya menyakinkan diri untuk mengubah kehidupan yang lebih positif.¹⁵

Berdasarkan kepada kenyataan di atas maka dapat disimpulkan bahawa tujuan kaunseling adalah untuk membantu individu dalam membuat

¹³Corey, Gerald, *Teori Dan Praktik Kaunseling Dan Psikoterapi*, Penerbit P.T Eresco, Bandung, Indonesia, 1988, hal. 29.

¹⁴C.E. Thoreson, *Behavioral Counseling*, Reinehart Winston, New York, 1990, hal. 1-2.

¹⁵Mohd Salleh Lebar, *Bimbangan Dan Kaunseling*, cet. 1, Longman Malaysia Sdn. Bhd. Selangor, 1993, hal. 16.

penyelesaian peribadi, sosial dan emosi agar ia dapat berfungsi dengan lebih dinamik dalam alam persekitarannya. Individu juga dibantu untuk belajar menghadapi kenyataan secara lebih berkesan. Ini dapat dilakukan dengan menghapuskan berbagai halangan yang menyekat individu tersebut daripada melihat kenyataan alam persekitarannya secara yang lebih berfaedah dan lebih penting lagi memperolehi makna daripada pengertian tersebut sehingga membolehkan ia membuat persepsi masa depannya secara yang lebih tepat.

1.1.3 Keperluan Kepada Kaunseling

Individu sering menghadapi tekanan jiwa, konflik diri dan gangguan emosi. Permasalahan atau gangguan ini timbul mungkin disebabkan oleh permasalahan keluarga yang tidak sihat atau pengaruh persekitaran. Permasalahan ini perlulah diberi perhatian oleh kaunselor agar tingkah laku atau cara gaya individu menyesuaikan diri dengan budaya masyarakat berjalan dengan baik.¹⁶

Ada banyak sebab kenapa kaunseling diperlukan. Antara sebab-sebab kenapa kaunseling itu perlu adalah sebagai berikut:

¹⁶Zuraidah bte Abdul Rahman, *Kaunseling Dalam Pengurusan*, Times Books International, Kuala Lumpur, 1994, hal. 169.

1.1.3.1 Masalah Sosioemosi

Menurut Ramli Hassan, pesakit yang mengalami masalah sosioemosi ini berasa tegang dan risau seolah-olah ada sesuatu perkara yang buruk akan berlaku walaupun dia tidak pasti. Dia juga merasa tidak selamat, takut dan cemas. Klien/individu yang mengalami masalah kebimbangan ini akan cepat terlupa dan susah menerima pelajaran. Dia juga tidak yakin pada diri sendiri.¹⁷

Satu lagi masalah yang berkaitan dengan sosioemosi ini ialah kemurungan dan kerungsingan. Kesan daripada masalah ini individu/klien tidak aktif dalam kegiatan fizikal dan mental. Kadang-kadang mereka tidak berminat terhadap aktiviti dan tidak suka bercakap dengan kawan-kawan.¹⁸

Masalah sosioemosi ini juga boleh menyebabkan suatu gangguan yang dinamakan keceluaran kelakuan. Keceluaran ini merupakan masalah psikiatri yang paling kerap terhadap di kalangan individu remaja. Sebab-sebab keceluaran kelakuan ini di antaranya ialah individu itu dibesarkan dalam keluarga yang tidak stabil dan tidak terjamin. Kesan keceluaran

¹⁷ Ramli Hassan (Dr.), *Pengantar Psikiatri*, cet. 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1990, hal. 70.

¹⁸ Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (Dr.), "Kepentingan Kaunseling Dalam Pengurusan", *Al-Ehsan*, 1992, hal. 13.

kelakuan terhadap individu yang mengidapnya ialah mereka suka berbohong, mencuri dan suka melawan ibu bapa dan guru.

Oleh itu, jelaslah bahawa masalah dari aspek sosioemosi boleh mengakibatkan klien mengalami beberapa penyakit atau gangguan seperti yang telah dijelaskan di atas.¹⁹ Kesan daripada penyakit itu pula banyak menimbulkan tabiat atau sikap yang tidak baik. Justeru itu, pada individu/klien yang terlibat amat memerlukan bimbingan dan kaunseling yang sempurna pada peringkat awal oleh kaunselor. Antara cara yang perlu dilakukan oleh kaunselor ialah dengan mengetahui latar belakang sejarah kehidupan keluarga yang terdekat bagi membimbang masalah sosioemosi individu yang terlibat. Kaunselor juga boleh memberi keyakinan yang tinggi dan layanan yang berpadanan.

1.1.3.2 Masalah Akademik

Masalah akademik biasanya dihadapi oleh pelajar-pelajar yang berada di Pusat-pusat Pengajian Tinggi. Masalah ini boleh mengakibatkan beberapa halangan dan masalah sampingan. Antara masalah yang boleh timbul ialah:

¹⁹ Sabitha Marican, "Bagaimana Menghadapi Stress", *Mastika*, November 1993, hal. 22.

- i. Sukar mengingati pelajaran.
 - ii. Tidak berminat dalam pelajaran.
 - iii. Pencapaian akademik merosot.
 - iv. Takut kepada peperiksaan.

Sebab atau punca terjadinya masalah di atas ialah ada di antara ibu bapa tidak dapat memotivasiikan anak-anaknya untuk belajar bersungguh-sungguh. Mungkin juga ada di antara pelajar/individu merasa bosan dan jemu dengan teknik penyampaian pelajaran yang tidak membangkitkan minat untuk belajar. Sebab lain ialah kerana pelajar itu tidak mempunyai keyakinan diri untuk belajar. Kesannya mereka akan selalu diselubungi emosi yang negatif dan takut atau selalu berasa cemas. Ada pula yang bersikap negatif terhadap kaunselor seperti tidak suka mendengar nasihat, nakal dan pencapaian akademik mereka rendah daripada rakan-rakan yang lain.²⁰

Dengan melihat kesan yang timbul akibat masalah yang wujud dari aspek akademik ini, maka dia memerlukan bimbingan dan khidmat nasihat yang sewajarnya daripada kaunselor agar klien yang terlibat ini dapat menunjukkan minat yang baik dalam akademik.

²⁰Mahmood Nazar Mohamad, "Membantu Kawan Menyelesaikan Masalah", *Mastika*, Disember 1993, hal. 20.

1.1.3.3 Masalah Kerjaya

Kerjaya merupakan bidang yang penting dalam kehidupan seseorang pelajar. Diperingkat pengajian tinggi, pelajar telah menunjukkan minat terhadap sesuatu kerjayanya. Minat ini patut dipupuk dengan berhati-hati untuk mengelakkan kekecewaan pada masa hadapan. Kecenderungan sesuatu bidang oleh pelajar perlu mendapat perhatian daripada kaunselor agar menjurus ke arah sesuatu yang baik. Kadang-kadang terdapat pelajar-pelajar yang salah memilih bidang kerjayanya. Keadaan ini boleh melenyapkan potensi yang ada pada diri seseorang pelajar. Justeru itu, khidmat nasihat amat diperlukan agar masalah kerjaya di kalangan mereka dapat diatasi.

1.1.3.4 Masalah Peribadi

Semua individu mengalami masalah personaliti atau peribadi. Peribadi ialah tingkah laku dan corak pemikiran yang diperlihatkan oleh seseorang.²¹ Para individu/klien yang mengalami masalah peribadi akan menunjukkan kelakuan yang tidak stabil, tidak seimbang dan berbeza kelakuannya dengan individu yang lain.

²¹*Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994, hal. 1017.

Antara bentuk kelakuan dan sikap yang boleh dilihat daripada mereka yang menghadapi masalah peribadi ini ialah mereka selalu merasa bosan, suka memenculkan diri daripada interaksi sosial dan mementingkan diri sendiri. Ada pula yang menunjukkan sifat tidak matang seperti melepaskan perasaan yang melampau dan selalu membuat perkara untuk menarik perhatian orang lain. Mereka yang mengalami masalah ini, biasanya amat sensitif dalam sesuatu hal dan cepat marah.²² Ada kalanya mereka boleh menggunakan kebolehannya pada masa tertentu untuk menipu dan memperdayakan orang lain. Individu yang menghadapi masalah personaliti atau peribadi biasanya mempunyai penghargaan kendiri yang rendah. Mereka mudah berasa takut, cemas dan cepat penik.²³

Berdasarkan kesan yang wujud akibat masalah individu seperti yang disebut di atas tadi, maka khidmat kaunseling memang amat diperlukan oleh mereka yang terlibat. Dikhawatir jika masalah ini tidak diatasi, ia akan bertambah rumit dan meruncing apabila individu/klien itu menjadi orang dewasa.

²²Zakiah Daradjat (Dr), *Psikologi Kanak-Kanak*, Penerbit Bulan Bintang Jakarta, Indonesia, 1990, hal. 45.

²³Zulkifli Yusof, *Bimbingan Manusia Dan Agama, Perspektif Bimbingan Kaunseling*, Arena Ilmu (M) Sdn. Bhd. cet. 1, Kuala Lumpur, 1992, hal. 21.

Kaunselor boleh membantu mengurangkan masalah peribadi di kalangan individu dengan mengadakan khidmat nasihat dan bimbingan. Antaranya, kaunselor boleh menggalakkan mereka yang menghadapi masalah peribadi untuk berusaha mencari ketenangan jiwa melalui beribadah, berihat dan membuat aktiviti latihan jasmani yang ringan. Mereka boleh digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial yang boleh menghiburkan hati. Kaunselor juga boleh menyediakan suasana selamat untuk para klien meluahkan perasaan terpendam di dalam hatinya. Jelasnya, masalah peribadi ini boleh diatasi melalui perkhidmatan kaunseling.

1.1.3.5 Masalah Keluarga

Keluarga memainkan peranan penting dalam perkembangan mental emosi dan sosial anak-anak. Keluarga yang bermasalah seperti kemiskinan, konflik antara suami isteri atau sebagainya yang boleh menjelaskan kedamaian atau kerukunan hidup berkeluarga. Ibu bapa yang bermasalah biasanya tidak dapat memberikan perhatian atau bimbingan yang secukupnya kepada anak-anak mereka. Keadaan ini boleh membawa kesan terhadap anak-anak.²⁴ Anak-anak yang terbiar akan mudah terpengaruh dengan berbagai gejala yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah, mencuri,

²⁴Zakiah Daradjat (Dr), *Perawatan Jiwa Untuk Anak-Anak*, Bulan Bintang, cet. 2, Jakarta, Indonesia, 1976, hal. 18.

merokok, berjudi dan sebagainya. Anak-anak yang juga merupakan para pelajar ini akan membawa tabiat buruk dan tidak sihat ini hingga ke sekolah. Oleh itu mereka amat memerlukan khidmat nasihat yang perlu dari kaunselor.

Untuk mengatasi masalah keluarga di kalangan individu ini, kaunselor boleh melakukan beberapa cara. Satu daripada caranya ialah dengan menemui ibu bapa yang terlibat dan memberi nasihat atau panduan yang sewajarnya melalui beberapa kaedah atau pendekatan yang baik seperti mengadakan seminar atau perjumpaan hari ibu bapa.

1.1.3.6 Masalah Penyesuaian Diri

Menyesuaikan diri dengan sesuatu keadaan atau persekitaran adalah amat perlu pada seseorang terutama para pelajar. Mereka yang gagal menyesuaikan dirinya dengan persekitarannya biasanya akan menghadapi beberapa masalah lain. Umpamanya, individu yang tidak dapat menyesuaikan diri akan menunjukkan sifat runting seperti termenung, menangis, sedih dan tidak aktif. Mereka akan berasa takut apabila menghadapi rakan sebaya dan juga guru-guru. Pelajar yang gagal menyesuaikan diri akan mudah menjauhkan diri dari interaksi sosial.

Kaunseling boleh menolong mengatasi masalah klien/pelajar melalui aktiviti yang sesuai. Antaranya, kaunselor boleh melatih mereka membuat beberapa aktiviti berbentuk kumpulan. Para pelajar juga boleh dilatih untuk bercakap di dalam aktiviti kumpulan. Di samping itu, kaunselor hendaklah sensitif terhadap pelajar/klien atau sanggup memberikan pertolongan tanpa mengira tempat dan waktu.²⁵

Kesimpulannya, masalah emosi, akademik, kerjaya, peribadi, keluarga dan penyesuaian diri yang dihadapi oleh klien boleh dibantu atau diatasi melalui perkhidmatan kaunseling yang diberikan oleh kaunselor. Dengan bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh individu atau klien.

1.1.4 Jenis-Jenis Kaunseling

Jenis-jenis kaunseling biasanya dikaitkan dengan penggunaan dan peranan manusia itu sendiri di dalam kehidupannya sehari-hari. Dalam hubungan ini, kaunseling dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu

²⁵Ishammuddin bin Hj. Ismail, *Persepsi Kaunseling Kontemporari*, Pusat Ilmu Jelatik, cet. 1, Ogos 1996, Kuala Lumpur, hal. 34.

kaunseling krisis, kaunseling pembekal kemudahan, kaunseling pencegahan dan kaunseling perkembangan.²⁶

1.1.4.1 Kaunseling Krisis

Kaunseling krisis²⁷ terjadi apabila seseorang kaunselor berhadapan dengan klienya yang ketika itu dalam keadaan tidak terurus, sehingga tidak mampu untuk menyelesaikannya dirinya dengan perkara yang timbul dalam kehidupannya.

Hal ini boleh berlaku kerana seseorang itu merasa dirinya sia-sia dan hampa disebabkan oleh gangguan dan perasaan seperti tidak yakinkan diri sendiri, keraguan, rasa bersalah atau barangkali juga melakukan sesuatu yang menyakiti tingkah laku sendiri. Sementara itu, krisis yang demikian ini amat memerlukan perhatian segera jika tidak besar kemungkinan akan mendatangkan risiko bagi perkembangan peribadinya ataupun boleh menjadikan tingkahlakunya bertambah buruk.

²⁶Tang Chee Yee, *Bimbangan Dan Kaunseling Perkhidmatan, Prosedur dan Kemahiran*, Siri Pendidikan Perguruan, Kumpulan Budiman, Sdn. Bhd., 1991, hal. 79.

²⁷Krisis bermakna keadaan tidak stabil atau tidak tenteram yang berlaku secara tiba-tiba menyebabkan sesuatu kejadian (perkembangan, perubahan, dll), keadaan yang lazimnya mendatangkan kesan buruk, keadaan yang genting, kegentingan, ketegangan dan keributan. *Kamus Dewan, op.cit.*, hal. 712.

Krisis biasanya berlaku apabila terlibat dengan masalah rumah tangga, penyalahgunaan dadah, kemungkaran atau hilang pekerjaan. Oleh kerana keadaan begini menunjukkan penglibatan emosi yang begitu serius, maka ia meminta sesuatu pengorbanan yang harus diselesaikan oleh kaunselor.

Apabila seseorang klien berhadapan dengan cabaran-cabaran itu, maka adalah menjadi tanggungjawab kaunselor mewujudkan suatu hubungan yang berkesan, dan pertumbuhan klien akan meningkat dan membanggakan. Ini adalah disebabkan seorang klien itu dapat menghadapi krisisnya dengan cara bersedia, sedar dan mahu melakukan perubahan-perubahan pada dirinya dengan munasabah.

1.1.4.2 Kaunseling Pembekal Kemudahan

Apa yang diperlukan oleh jenis kaunseling ini ialah untuk mencapai "*client action on clarified concern*". Ini bererti seseorang klien itu membuat tindakannya yang benar-benar dia kenal pasti dan bertanggungjawab ke atasnya sehingga berjaya.²⁸ Perhatian mengambil berat begini selalunya

²⁸Muhd Mansur Abdullah, *Ke Arah Sistem Tolong Bantu Masa Kini: Satu Pengenalan*, Tra-Tra Publishing, Trading Sdn. Bhd., cet. 1, Kuala Lumpur, 1994, hal. 121.

tidaklah pula melibatkan sesuatu krisis pun, sebaliknya ia cuba lahir pada individu itu sama ada secara mendadak maupun secara sedikit demi sedikit.

Peranan kaunselor ialah membekal kemudahan-kemudahan kepada setiap kliennya. Seseorang klien yang dibimbing oleh kaunselor sehingga hakikat dirinya serta mengambil berat apa yang perlu pada dirinya akan bersedia membuat perubahan dalam dirinya. Proses membekalkan kemudahan kepada klien sehingga dia menjadi rasional dan dapat menyahut cabaran kepada masalah klien itu sendiri, maka kaunseling ini dinamakan kaunseling pembekal kemudahan.²⁹

1.1.4.3 Kaunseling Pencegahan

Dalam kaunseling ini, penekanan tugas dan tanggungjawab amatlah bergantung besar terhadap matlamatnya sendiri. Ia bertujuan untuk mencegah sesuatu perkara yang bakal timbul atau dari merebak semakin meluas. Atas dorongan tertentu terhadap mengambil berat dan usaha penjagaan dan berwaspada, maka ia banyak ditujukan kepada segala usaha pemulihan semata-mata.

²⁹James R. Engelkas & David Vandergoot, *Introduction To Counseling*, Houghton Mifflin Co, Boston, 1982, hal. 112.

1.1.4.4 Kaunseling Perkembangan

Kaunseling ini dibentuk dengan tujuan untuk kesejahteraan manusia sepanjang hidupnya. Para kaunselor adalah diminta sedaya upaya membekalkan individu-individu (tidak kira umur sepatutnya) bagi memperkembangkan lagi peribadinya dalam keadaan selesa, aman dan bebas daripada krisis persengketaan.

Dalam keadaan ini, manusia sentiasa berkembang dengan baik, tetapi oleh kerana sesuatu sebab (masalah) maka perkembangan itu menjadi tergencat. Kaunselor dengan hakikat ini cuba menyedarkan kembali mereka itu supaya dapat berkembang semula dengan baik dan lancar, terutama sekali perkembangan emosi dan sahsiah seseorang.³⁰

Oleh kerana kaunseling ini memperlihatkan perkembangan dan ia lebih banyak mengambil berat tentang hal-hal seumpamanya, maka ia lebih banyak dikaitkan dengan teori-teori perkembangan kendiri. Oleh yang demikian, kaunselor yang menjalankan kaunseling jenis ini hendaklah berhati-hati terutama harus memahami benar-benar teori perkembangan ini secara mendalam dan teliti.

³⁰Ee Ah Meng, *Psikologi Perkembangan: Aplikasi Dalam Bilik Darjah*". Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1991, hal. 100.

1.1.5 Bentuk-Bentuk Kaunseling

Perkhidmatan kaunseling pada umumnya dapat dibahagikan kepada dua bentuk utama,³¹ iaitu:

1.1.5.1 Kaunseling Individu

1.1.5.2 Kaunseling Kelompok

Kedua-dua bentuk kaunseling di atas memainkan peranannya dalam mengendalikan masalah klien. Walau bagaimanapun ia tetap sama dari segi aspek dorongan untuk memberi bantuan dan bimbingan kepada klien.

1.1.5.1 Kaunseling Individu

Kaunseling individu merupakan suatu proses interaksi yang melibatkan seorang kaunselor dengan klien. Hubungan bersemuka antara kaunselor dengan klien ini berlaku apabila seorang kaunselor dengan kemahiran yang ada padanya untuk menyediakan situasi pembelajaran yang membolehkan kliennya mengendali dirinya, membuat perubahan diri,

³¹Mizan Adiliah dan Ahmad Ibrahim, *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, cet. 1, hal. 80.

menukar sikap atau tingkah laku, membuat keputusan dan pemilihan bagi memenuhi keperluan diri sendiri.³²

Kaunseling jenis ini biasanya dijalankan dalam suasana (*setting*) yang lebih peribadi, di mana klien menemui kaunselor atas dorongan yang berbeza. Misalnya, dorongan dari dalam diri atau saranan rakan-rakan dan juga guru-guru, telah menyebabkan klien lebih bersedia menghadapi kaunselor. Kerelaan klien dan kemahiran kaunselor individu ini melibatkan diri individu yang berkrisis, kaunseling pembekal kemudahan, kaunseling pencegahan dan kaunseling perkembangan.³³

1.1.5.1.1 Definisi Kaunseling Individu

Terdapat beberapa definisi yang telah diberikan oleh ahli-ahli psikologi mengenainya. Antaranya adalah sebagai berikut:

Menurut Blackham, kaunseling individu ialah hubungan tololng menolong yang unik, di mana klien akan diberikan peluang-peluang belajar,

³²Tang Yee Chee, *Bimbingan Dan Kaunseling. Perkhidmatan Prosedur Dan Kemahiran*, Penerbit Budiman Sdn. Bhd. Cet. ke 5, Kuala Lumpur, 1991, hal. 74.

³³Muhd Mansur Abdullah, S. Nordinar Mohd Tamin, *Porses Kaunseling*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1987, hal. 93.

menghayati, berfikir dan merubahnya mengikut apa yang difikirkan memanfaatkan.³⁴

Shertzer dan Stone pula mengatakan bahawa kaunseling individu ialah sebagai proses interaksi yang menyediakan hubungan tentang diri dan persekitaran dan berhasil dalam perwujudan dan pencapaian matlamat dan nilai-nilai untuk tingkah laku masa depan.

Cottle dan Downie mendefinisikan sebagai suatu proses di mana seorang kaunselor membantu seorang klien dalam menghadapi, memahami dan menerima maklumat-maklumat mengenai dirinya sendiri, interaksinya dengan orang lain, sehingga dia boleh membuat pertimbangan dan mengambil keputusan yang berkesan terhadap berbagai-bagai pilihan hidupnya.³⁵

Berdasarkan kepada beberapa definisi tersebut, maka dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kaunseling individu itu ialah hubungan dua hala yang melibatkan klien dengan kaunselor yang terlatih dan memusatkan beberapa aspek terhadap penyesuaian diri klien, perkembangannya atau pengambilan

³⁴Blackham, G. J. *Counseling Theory Process And Practice*, Word worth Publishing Co, Belmouth, 1977, hal. 70.

³⁵Cottle and Downie, *Theory And Practice Of Counseling And Psychotherapy*, Brooks/Cole Publishing Co, California, 1977, hal. 35.

keputusan yang diperlukan. Hubungan ini menyediakan hubungan komunikasi di mana klien berpeluang membina pemahaman, penerokaan beberapa kemungkinan dan mengharapkan perubahan berlaku.

1.1.5.1.2 Ciri-Ciri Kaunseling Individu

Terdapat beberapa ciri penting dalam kaunseling individu. Antaranya adalah sebagai berikut:

- i. Kaunselor hendaklah menghormati kejujuran klien yang datang untuk meminta pertolongan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapinya.
- ii. Adalah menjadi tugas kaunselor untuk menyedarkan diri klien tentang syarat-syarat ia menerima kaunseling supaya tidak timbul salah tanggapan.
- iii. Adalah menjadi tanggungjawab kaunselor untuk mengundurkan diri sekiranya didapati ia tidak berupaya dalam menangani masalah klien dan mencadangkan kepada profesional yang lain yang lebih berpengalaman.

- iv. Meyakinkan klien bahawa segala maklumat yang diberi dirahsiakan dan ia bebas memberi maklumat yang difikirkan dapat menolong kaunselor untuk menolongnya.
- v. Jika didapati keadaan klien mengancam kebajikan atau kesihatan diri sendiri atau orang lain, maka menjadi tanggungjawab kaunselor melaporkan hal ini kepada pihak tertentu.

1.1.5.2 Kaunseling Kelompok

Dalam memahami kaunseling kelompok, *Kamus Dewan* menyatakan, kelompok, adalah himpunan (beberapa orang, binatang, benda dan lain-lain lagi) atau kumpulan yang kecil bilangannya, jumlahnya dan sebagainya.³⁶

Menurut Webster Dictionary, kelompok itu sebagai *two or more figures forming a design or a unit in design, an assemblage of objects having some relationship, resemblance, or common characteristic.*³⁷

Berdasarkan kepada keterangan di atas maka dapat dirumuskan kelompok ialah sekumpulan manusia yang mempunyai hubungan interaksi

³⁶*Kamus Dewan, op.cit.,* hal. 232.

³⁷*Webster's New Encyclopedic Dictionary,* New York, 1994, hal. 442.

sesama mereka dalam melahirkan satu unit pendapat. Dalam erti kata lain, manusia yang berbagai-bagai pendapat dan kehendak ini dapat duduk memungkinkan dipersetujui ramai sehingga dijadikan kata maufakat yang sekata.

1.1.5.2.1 Difinisi Kaunseling Kelompok

Menurut Winkel, kaunseling kelompok merupakan suatu kegiatan bimbingan dan kaunseling yang memiliki ciri-ciri kegiatan bimbingan dan kaunseling yang memiliki ciri-ciri khas. Ia juga disebut '*multiple counseling*', di mana terjadi kombinasi dari bentuk kelompok diskusi dengan aktiviti perbahasan sesuatu masalah.³⁸

Carl Roger's pula menjelaskan bahawa kaunseling kelompok ialah orientasi permasalahan dan pemulihan proses di mana seseorang dirasionalkan kembali mengikut kehendak ramai. Seperti juga halnya dengan kaunseling individu, ia lebih tepat bagi mereka yang mengalami kesukaran-kesukaran, ketidakpuasan hati atau mereka yang negatif tingkah lakunya.³⁹

³⁸Winkel, W.S., *Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah Menengah*, Gramedia, Jakarta, 1985, hal. 112.

³⁹Roger's C.R. *On Encounter Groups*, Harper And Row Publications, New York, 1970, hal. 70.

Selanjutnya menurut Zuraidah Abdul Rahman kaunseling kelompok diertikan sebagai satu cara pendekatan yang digunakan oleh kaunselor untuk memberi bimbingan secara yang berkesan kepada beberapa orang individu yang bermasalah. Pendekatan ini mempunyai dasar dan objektif yang sama dengan kaunseling individu. Cumanya yang berbeza ialah interaksi kaunseling kelompok melibatkan seorang kaunselor dengan beberapa individu.⁴⁰

Berdasarkan kepada kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa kaunseling kelompok ialah suatu proses perhubungan yang dinamis antara seorang dengan orang lain, yang memfokuskan kepada tingkahlaku dan pemikiran yang sengaja dan melibatkan fungsi-fungsi terapi (*therapy*) seperti usaha mengasah dan memperakui (*acknowledge*), menuju kepada kenyataan, meluahkan perasaan, saling mempercayai, mengambil berat, persefahaman, penerimaan dan sokongan.

1.1.5.2.2 Tujuan Kaunseling Kelompok

Kaunseling kelompok merupakan suatu usaha ke arah membina hubungan di antara ahli-ahli untuk mereka menilai diri dan menerima

⁴⁰Zuraidah Abdul Rahman, *Pengenalan Kaunseling Kelompok*, IBS Buku Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1988, hal. 9.

penilaian daripada ahli-ahli lain. Di antara tujuan diadakan kaunseling kelompok adalah seperti berikut:⁴¹

- i. Untuk menolong setiap peserta mengenal dan memahami diri masing-masing. Peserta dapat menerima diri sendiri dan menganggap dirinya manusia yang berguna.
- ii. Untuk membina kemahiran-kemahiran berhubung di antara ahli-ahli agar membolehkan mereka menggunakan dalam dunia luar.
- iii. Untuk membina kepekaan kepada keperluan orang lain. Hasilnya bertanggungjawab terhadap kelakuan sendiri. Menolong peserta mengenal perasaan orang lain menambah kebolehan mengatasi masalah, membuat keputusan dan mencapai tujuan hidup dan ini kemudian menolong mereka dalam perhubungan di luar dan dalam kerja sehari-hari.

⁴¹Ee Ah Meng, *Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling*, Siri Pendidikan Fajar Bakti, cet. 7, Kuala Lumpur, 1993, hal. 25.

- iv. Menolong ahli-ahli kelompok membina kemahiran mendengar dengan empati (*empathy*). Ini membolehkan peserta memahami perasaan yang tersembunyi disebalik kata-kata yang dikeluarkan membolehkan peserta menyatakan perasaannya dengan benar dan tepat.
- v. Menolong peserta menentukan matlamat tertentu yang boleh diukur dan dilihat melalui kelakuan mereka. Ini dapat mengikat peserta untuk berusaha mencapai matlamat itu.
- vi. Menolong peserta membina rasa dipunyai dan diterima oleh orang lain. Ini menimbulkan rasa selamat apabila menjalani tugas dan cabaran hidup.
- vii. Menolong peserta membina semangat dan berwibawa menghadapi risiko juga mempunyai ganjaran yang tinggi. Perkembangan diri tercapai melalui berkongsi pengalaman.

1.1.5.2.3 Peringkat-Peringkat Dalam Perkembangan Kaunseling Kelompok

Tiap-tiap kaunseling kelompok mempunyai peringkat-peringkat dan perkembangan yang boleh diidentifikasi. Umumnya peringkat-peringkat ini dibahagikan kepada lima peringkat iaitu:

Pertama: Peringkat Permulaan Kelompok

Dalam peringkat ini matlamat ketua kelompok adalah mencipta suasana yang selesa serta mendatangkan perkongsian yang bermakna oleh semua ahli-ahli kelompok. Ketua kelompok mempengaruhi suasana kelompok dengan mempamirkan tingkah laku yang berpatutan.⁴² Dalam peringkat ini ahli-ahli akan memberi dan mengumpul data-data untuk maklumat seseorang. Melalui ini setiap ahli boleh mengenalpasti beberapa sifat positif dan negatif di kalangan ahli-ahli. Ketegangan di peringkat ini amat ketara.

Kedua: Peringkat Konflik Dan Pertentangan

⁴²Muhd Mansur Abdullah, *op.cit.*, hal. 227.

Peringkat ini berlaku apabila ketua kelompok gagal mengenal ahli-ahlinya. Ini membuatkan mereka menjadi liar terhadapnya dan merasakan ketuanya tidak sempurna dan tidak berguna.⁴³ Di peringkat ini ahli-ahli bertindak balas memulakan huraian peranan masing-masing, kepimpinan, pengawalan, penyelesaian masalah, persetujuan dan mewujudkan norma-norma. Ketika itu penentangan dan kesamaran terhadap perubahan-perubahan berlaku. Ketua pula bertindak biasa atas dasar tidak selamat yang terdapat dalam anggapan ahli-ahlinya. Dari itu ia perlu mendorong kelompoknya mengurangkan pengasingan diri, menebalkan kepercayaan, menjalin perpaduan, selamat oleh rasa jujur, mengalami sama ketidaksenangan mereka itu dan menunjukkan kemahiran, kefahaman dan kebauannya.⁴⁴

Ketiga: Peringkat Perkembangan Hubungan Rapat Dan Integrasi.

Perkembangan dan wujudnya kepercayaan dapat menyakinkan ahli-ahli dalam berkongsi perasaan dan pengalaman masing-masing. Dalam peringkat ini mereka mula mendengar pendapat orang lain, tolong menolong dan berkerjasama. Ahli-ahli mula memberi maklum balas tentang perasaan

⁴³ Ohlsen, MM, *Group Counseling*, New York, Holt Rinehart & Winston Inc, 1970, hal. 59.

⁴⁴ Mohd Mansur Abdullah, *op.cit.*, hal. 230.

mereka dan sedar di atas tindak tanduk mereka ke atas orang lain. Dari itu mereka tidak takut dikecam di atas tindakan mereka. Walau bagaimanapun mereka cuba mengelakkan ia daripada berlaku kerana mereka memerlukan suasana harmoni untuk membuaikan interaksi positif yang memuaskan.

Keempat: Peringkat Penyelesaian Masalah

Peringkat ini merupakan peringkat menuju ke arah mencapai matlamat bersama dan perseorangan. Ahli-ahli bersama-sama memecahkan masalah di mana mereka diberi peluang untuk menyelidik masalahnya lebih dekat juga turut berbincang tentang pilihan resolusi dan mencuba tingkah laku baru. Pada peringkat ini juga wujudnya kualiti kepimpinan di kalangan mereka. Ahli-ahli mengambil tugas ketua kelompok dan tugas ini akan bertukar-tukar mengikut masa dan tajuk yang diperbincangkan.⁴⁵ Pada ketika itu akan didapati ramai ketua kelompok dianggap sebagai 'resos' atau tempat mendapat maklumat bukan sebagai ketua. Ini tidak bererti perserta-peserta kelompok mengenepikan peranannya atau dia ditolak sebagai ketua, tetapi disebabkan kelompok itu sudah boleh dicari tanpa pimpinan yang aktif. Manakala ketua kelompok sebenar pula berperanan sebagai ahli biasa sehingga peranannya dikembalikan.

⁴⁵Zuraidah Abd. Rahman, "Proses Kaunseling Kelompok", *Jurnal*, Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia: Pusat Unit Bimbingan dan Kaunseling, jil. 5, Mei 1980, hal. 34.

Kelima: Peringkat Keputusan/Peraturan/Penamatan

Setelah ahli-ahli berjaya mencapai matlamat maka kelompok bersepakat merancang untuk menamatkan sesi. Ketika ini ketua menggalakkan ahli-ahlinya membuat ringkasan dan menggulung.⁴⁶ Dalam peringkat ini ahli dapat mengimbangkan keperluan kelompok. Pada masa ini had optimum dalam perhubungan dan kepuasan tercapai. Kelompok bersurai dengan penuh kemesraan dan berterima kasih di antara satu sama lain.

Peringkat-peringkat di atas tidak semestinya terjadi dalam tiap-tiap kelompok. Ia sebenarnya bergantung penuh kepada jenis ahli dan kemahiran ketua kelompok dalam mengembalikannya.

Rasional dari aspek yang dinyatakan, dapatlah disimpulkan bahawa kaunseling kelompok membuka jalan kepada individu bermasalah untuk mengubah sikap dan tingkah laku mereka dalam bentuk pemupukan diri dan meningkatkan keberkesanannya perhubungan ahli.

Melalui dua jenis kaunseling (individu dan kelompok) tersebut, kaunselor memainkan peranan dalam usaha membantu dan menyelesaikan

⁴⁶A. Latiff Mirasa, "Pembentukan dan Pengendalian Kaunseling Kelompok", Athur P. Lloyd & Aminah Hj. Hashim, *Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*, Kuala Lumpur, DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987, hal. 221.

permasalahan klien. Walau bagaimanapun, penentuan proses kaunseling bergantung kepada cara pengendalian kaunselor.

1.2 DAKWAH

1.2.1 Definisi Dakwah

Perkataan (دُعَوةٌ) berasal dari bahasa Arab iaitu dari perkataan (دُعَا يَدْعُ دُعْوَةً) atau dengan lebih jelas ia berasal dari kata kerja *fā'il masdar* (الدُّعَةُ الدُّعَاءُ) dan *ism* (الدُّعَا والدُّعَا) yang bererti ajakan, seruan dan undangan.⁴⁷

Perkataan dakwah juga terdapat di dalam al-Qur'an sepetimana firman Allah (s.w.t):⁴⁸



فَالْرَّبِّ الْسَّمِيعُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَعْوَجِي إِلَيْهِ

⁴⁷ Batras al-Bustani, *Kitab Muhit al-Muhit*, jil. 1, Beirut, Maktab Lubnan, 1386/1970, hal. 675.

Manzur, *Lisan al-'Arabi* jil. 14, Beirut, Dar al-Sadir, 1389/1968M, hal. 261. Dalam bahasa Inggeris disebut: Call invocation or invitation, Lihat H. Anthony, *An Advanced Learner's English Dictionary*, Beirut, Librairie, Duliban, 1972, hal. 36.

⁴⁸ Al-Qur'an, surah Yusuf, ayat: 33.

Maksudnya:

"Yusuf (merayu kehadrat Allah Ta'ala dengan) berkata: "Wahai Tuhanku!, aku lebih suka kepada penjara dari apa yang perempuan-perempuan itu ajak aku kepadanya..."

Firman Allah:⁴⁹

وَاللّٰهُ يَدْعُو إِلٰى دَارِ السَّلَامِ.

Maksudnya:

"Dan Allah menyeru kepada negeri yang selamat... ..."

Menyentuh tentang ayat 33 di dalam surah Yusuf di atas, al-Qurtubi ada menjelaskan bahawa, bagi Nabi Yusuf masuk penjara itu adalah lebih baik daripada menerima ajakan supaya terjerumus ke dalam maksiat.⁵⁰ Manakala ayat 25 di dalam surah Yunus pula, al-Qurtubi menjelaskan bahawa, maksud perkataan *yad'u*, yang bererti seru, yang bermaksud Allah (s.w.t) tidak hanya menyeru manusia kepada keduniaan semata-mata, tetapi apa yang utamanya ialah menyeru kepada semua manusia supaya taat

⁴⁹ Al-Qur'an, surah Yunus, ayat: 25.

⁵⁰ Abu Abdullah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Dar al-Kitab al-'Arabiyyah, Kaherah, 1967M/1387H., juz. 9, hal. 184.

kepada perintah Allah (s.w.t), mudah-mudahan dengan ketaatan dan kepatuhan itu manusia akan mendapatkan balasan syurga.⁵¹

Berhubung dengan pengertian dakwah, Rasulullah (s.a.w), di dalam sepuuk suratnya yang ditujukan kepada Hiraclius Maharaja Rom ada menyebut:⁵²

أَدْعُوكَ بِدِعَاتِي إِلَّا إِسْلَامٌ أَنْتَ مِنْهُ

Maksudnya:

"Aku menyeru dengan seruan Islam, oleh itu, Islamlah supaya anda selamat"

Dalam hadis di atas Rasulullah (s.a.w) menyeru Maharaja Rom supaya memeluk agama Islam. Sekiranya Maharaja tersebut masuk Islam, beliau akan selamat di dunia dan juga di akhirat.⁵³

Menurut *Kamus Dewan*, dakwah bererti suatu kegiatan menyeru, membimbing, mendidik serta menyakinkan orang lain secara baik supaya

⁵¹ *Ibid.*, juz. 7, hal. 328.

⁵² Abu al-Hussain Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi, (206-261M), *al-Jami' al-Sahiħ*, jil. 2, t.tp., t.th., hal. 165.

⁵³ Dr. 'Abd. Na'im Muftammad Hussain, *al-Da'wat Ila Allah 'Ala Basirat*, Dar al-Kitab, al-Misri, Kaherah, 1984M/1405H., hal. 19.

menerima sesuatu kepercayaan. Kepercayaan yang dimaksudkan di sini ialah agama Islam. Oleh yang demikian, berdakwah bererti menjalankan kegiatan penyebaran agama Islam supaya manusia menyedari, menghayati serta mengamalkan ajaran agama yang benar.⁵⁴

Dalam *The Encyclopedic of Islam*, ada mengatakan bahawa dakwah ialah ajakan dan seruan yang ditujukan kepada umat manusia oleh Allah (s.w.t) dan para rasulNya supaya beriman dan yakin kepada agama yang benar itu iaitu agama Islam.⁵⁵

Dalam memberikan pengertian dakwah, terdapat beberapa orang tokoh cendikiawan Islam yang telah memberikan pendapat masing-masing.

Menurut Sheikh Ali Mahfuz dalam *Hidayah al-Mursyidin*, *Hidayah al-Mursyidin*, yang dimaksudkan dengan dakwah ialah usaha mengajak manusia ke arah melakukan kebaikan dan untuk mendapat petunjuk Allah (s.w.t) dan menyuruh melakukan perkara-perkara *makruf* (kebaikan) dan melarang daripada melakukan perkara-perkara mungkar (kejahanatan), supaya

⁵⁴Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi Ketiga, 1994, hal. 263-264.

⁵⁵Lewis B., Ch. Pellet and J. Schacht e.d.s., *The Encyclopedia of Islam*, jil. 2, New Edition, Leiden E.J. Brill, 1965, hal. 168.

mereka beroleh kejayaan serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.⁵⁶

Adam Abdullah al-Aluri menyatakan maksud dakwah ialah memalingkan pandangan dan konsep pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berteraskan akidah Islamiyyah. Ia juga merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia daripada kesesatan yang nyata yang boleh menjerumuskan mereka ke dalamnya.⁵⁷

Menurut Muhammad al-Ghazali pula, yang dimaksudkan dengan dakwah ialah satu perancangan yang lengkap dan sempurna yang mencakupi semua peringkatnya, mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup serta meletakkan mereka dalam kumpulan orang yang mendapat petunjuk.⁵⁸

Rauf Syalabi pula menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan dakwah ialah gerakan pemisahan masyarakat manusia dari keadaan pemikiran bukan Islam kepada pemikiran Islam, dari kegelapan kepada

⁵⁶ Al-Sheikh Ali Mahfuz, *Hidayah al-Mursyidin 'ala Turuqi al-Wa'z wa al-Khitabah*, Dar Ittisam, cet. 9, 1979M/1399H., hal. 17.

⁵⁷ Adam Abdullah al-Aluri, *Tarikh al-Dakwah al-Islamiyyah min al-Ams ila al-Yawm*, Maktabah Wahbah, Kaherah, cet. 2, 1979, hal. 17.

⁵⁸ Muhammad al-Ghazali, *Ma'a Allah, Dirasat fi al-Da'wah wa al-Du'at*, al-Maktabah al-Islamiyyah, 1981, hal. 17.

cahaya yang terang, dari keadaan sempit kepada suasana lapang di dunia dan di akhirat, membentuk pertukaran manusia dari akidah yang telah ada dalam masyarakat kepada akidah tauhid yang suci.⁵⁹

Selanjutnya seorang tokoh cendikiawan dakwah iaitu Yusof al-Qaradawi memberikan pengertian dakwah sebagai suatu usaha membawa orang lain kepada agama Allah mengikut petunjuk-Nya, melaksanakan ketetapan Allah di bumi ini, mengkhusus dan menentukan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan ta'at kepada-Nya sahaja, melepaskan diri dari segala konkongan *tagħut* (yang bukan dari Allah), memberi hak keapda orang yang ditetapkan haknya oleh Allah (s.w.t) menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berjihad.⁶⁰

Menurut Dr. Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal, dakwah ialah perlaksanaan oleh sesiapa jua yang mempunyai kemampuan dalam memberikan nasihat yang berupa petunjuk dan bimbingan yang betul dari kalangan umat Islam dengan menggalakkan manusia menerima Islam sama ada mengenai akidah mahupun mengenai cara hidup di samping memberi

⁵⁹Rauf Syalabi, *Saikolοjiyyah al-Da'wah wa al-Du'āt*, Maktabah al-Azhar, Kaherah, 1970, hal. 1.

⁶⁰Yusuf al-Qardhawi, *Thaqafah al-Da'iyyah*, Muassasah al-Risalah, Beirut, 1983, hal. 1.

amaran keapda mreka dari menganut agama lain dengan menggunakan cara-cara yang tertentu.⁶¹

Akhir sekali menurut 'Abd al-Karim Zaidan menjelaskan bahawa dakwah ialah usaha menyeru kepada agama Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) melalui cara-cara yang telah ditentukan oleh Allah (s.w.t) yang terdapat di dalam al-Qur'an dan sunnah Nabi, di mana ianya terdiri dari empat asas, iaitu isi dakwah, pendakwah, orang yang didakwahkan dan media dakwah.⁶²

Walaupun terdapat beberapa pengertian dakwah yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh cendikiawan Islam, terdapat juga pengertian dakwah di dalam al-Qur'an sebagaimana firman Allah (s.w.t).⁶³

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكُمْ وَالْمُوَعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَنِيدَ لَهُمْ
بِأَنَّمَا هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

⁶¹Dr. Abd al-Majid al-Sayyid Nawfal, *al-Da'wah ila Allah Ta'ala*, Matba'ah al-Hadarah al-'Arabiyyah 1977M/1397H, hal. 18.

⁶²Dr. Abd. Al-Karim Zaydan, *Usul al-Da'wah*, Dar al-Nazir, Baghdad, cet. 1, 1967M/1388H., hal. 3.

⁶³Al-Qur'an surah al-Nahl, ayat: 125.

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah bijaksana dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk"

Firman Allah:⁶⁴

قُلْ هَذِهِ آدُعْيَا إِلَىٰ اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشَرِّكِينَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha Suci Allah (dari segala i'tiqat dan perbuatan syirik): dan bukunlah aku dari golongan yang memperseketukan Allah dengan sesuatu yang lain"

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat yang telah dikemukakan di atas, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa dakwah ialah seruan mengajak manusia kepada melaksanakan hidup mengikut hukum dan cara yang ditentukan oleh Allah (s.w.t) dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan

⁶⁴ Al-Qur'an, surah Yusuf, ayat: 108.

menjauhi segala larangan-Nya berdasarkan kepada panduan al-Qur'an dan Hadis Rasulullah (s.a.w.). Pengertian ini menggabungkan unsur-unsur terpenting yang terlibat dalam dakwah Islamiyyah iaitu isi dakwah, metode dakwah, sasaran dakwah dan media dakwah.

Untuk merealisasikan cita-cita dakwah yang mulia ini, ia memerlukan kepada tenaga penggerak yang menggerakkannya, iaitu para pendakwah, sama ada orang perseorangan, para alim ulamak dan organisasi-oraganisasi dakwah yang berpandukan kepada perancangan dan pendekatan dakwah yang mantap dan berkesan.

1.2.2 Tujuan Dakwah

Berdasarkan kepada beberapa pengertian dakwah yang telah dijelaskan sebelum ini, maka dengan ini dapat dikatakan bahawa di antara tujuan dakwah adalah sebagai berikut:

Menurut Abu Jaafar al-Tabari, tujuan dakwah ialah supaya manusia seluruhnya beriman dengan Allah (s.w.t) bahawa Dialah sahaja Tuhan Yang Maha Esa yang bersifat dengan sifat kesempurnaan dan mengakui bahawa Nabi Muhammad (s.a.w) adalah Rasul (pesuruh) Allah yang terakhir.

Baginda adalah penamat kenabian dan kerasulan. Tiada lagi Nabi atau Rasul selepas baginda sehingga hari akhirat.⁶⁵

Manakala Muhammad Salam Madkhur pula menyatakan bahawa tujuan dakwah adalah untuk membimbing dan membentuk akhlak yang mulia selaras dengan perutusan Rasulullah (s.a.w) ke atas muka bumi ini adalah untuk penyempurnaan akhlak yang mulia.⁶⁶

Selanjutnya Prof. A. Hasjmy, dalam *Dustur Dakwah Menurut al-Qur'an*, tujuan dakwah ialah mengajak orang lain supaya menyakini dan mengamalkan syariat dan akhlak Islam supaya dapat mencapai keredaan Allah (s.w.t) di dunia dan di akhirat.⁶⁷

K.H. Ahmad Zaini Miftah dalam *Dasar-Dasar Dakwah* menyatakan bahawa tujuan dakwah ialah supaya manusia dapat mengikuti jalan yang lurus iaitu jalan yang telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t).⁶⁸

⁶⁵ Abu Jaafar al-Tabari, *Jami` al-Bayan `an Ta`awil al-Ayat*, 20 jil. Ed 2, Misr, Mustafa al-Babi al-Halabi, 1954, hal. 16.

⁶⁶ Muhammad Salam Madkhur, *Al-Madkhil Lil al-Islami Tarikhuhu wa Wasadruhu wa Nazariyyatuha al-'Ammah*, Dar al-Nahdhah al-'Arabiyyah, Kaherah, 1963, hal. 10-11.

⁶⁷ Prof. A. Hasjmy, *Dustur Dakwah Menurut al-Qur'an*, Bulan Bintang, Jakarta, Indonesia, 1974, hal. 20.

⁶⁸ K.H. Ahmad Zaini Miftah, *Dasar-Dasar Islam*, Forum Dakwah, Pusat Dakwah Islam, Jakarta, Indonesia, 1972, hal. 446.

Akhir sekali menurut Sayuti, bahawa tujuan dakwah ialah menyeru manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah (s.w.t) dengan penuh rasa taat dan patuh bersesuaian dengan tujuan Allah (s.w.t) menjadikan manusia di atas muka bumi ini untuk mengabdikan diri kepada-Nya.⁶⁹

Berdasarkan kepada beberapa pendapat yang diberikan di atas maka dapat disimpulkan bahawa tujuan dakwah ialah menyeru manusia ke arah kebaikan dan petunjuk supaya manusia melakukan perubahan tingkah laku atau sikap yang sesuai dengan pola kehidupan yang dikehendai oleh agama Islam yang diserukan oleh para pendakwah.

1.2.3 Isi Dakwah

Isi dakwah atau dalam bahasa Arab disebut sebagai *mawdu' al-da'wah* bererti perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam, yang meliputi seluruh pekerjaan hati dan pekerjaan zahir. Dengan erti kata lain kedua-dua bahagian ini disebut sebagai akidah dan yang kedua ialah syariah, manakala kesan yang terbit dari kedua-dua bahagian ini dinamakan akhlak.⁷⁰

⁶⁹Sayuti, *Al-Jami` al-Saghir*, Kaherah, t.t., juz 2, hal. 18. Lihat juga: al-Qur'an surah al-Zariyyat, ayat: 56.

⁷⁰Dr. Ahmad Ghawash, *Al-Da'wah al-Islamiyyah Usuluhu Wa Wasailuhu*, Dar al-Kitab al-Misri, t.th Kaherah, hal. 14.

Menurut Dr. 'Abd. Al-Karim Zaidan pula, yang menjadi perkara utama isi dakwah Islam ialah keseluruhan agama Islam itu sendiri, iaitu satu-satunya agama yang diwahyukan oleh Allah (s.w.t) kepada Rasul-Nya sepetimana yang terkandung dalam kitab suci al-Qur'an dan as-Sunnah.⁷¹

Dalam membahaskan isi dakwah ini, kebanyakkan tokoh-tokoh Islam merujuk kepada hadis Nabi (s.a.w), sebagaimana sabdanya:⁷²

بِرَوْيِيْ أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ بَارِزًا يَوْمًا لِلنَّاسِ فَأَتَاهُ جِبْرِيلُ وَقَالَ لَهُ: مَا الْإِيمَانُ؟ قَالَ: الْإِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَا لَكَ بِهِ وَلِقَائِهِ وَرَسُولِهِ وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثَةِ فَقَالَ جِبْرِيلُ: مَا الْإِسْلَامُ؟ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُ بِهِ، وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتَؤْتِي الزَّكَاةَ الْمُفْرُوضَةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ قَالَ مَا الْإِحْسَانُ؟ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَانَكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ ...

Maksudnya:

"Dari Abi Hurairah, katanya pada suatu hari, sedang Nabi Muhammad (s.a.w), berada bersama-sama orang ramai, didatangi kepadanya Jibril. Jibril bertanya kepada Rasulullah (s.a.w), beberapa soalan seperti berikut; Jibril: "Apakah itu Iman?. "Rasulullah menjawab: Iman itu ialah, engkau beriman kepada Allah (s.w.t),

⁷¹Dr. Abd. Al-Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 7.

⁷²Abu Abdullah Muhammad Ibn al-Ahnaf Yazdibat al-Ja'f al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Istanbul, 1981M/1401H, juz. 1, hal. 18. (Kitab Iman).

malaikat-malaikat-Nya, rasul-rasul-Nya dan beriman dengan hari kehangkitan. "Jibril: "Apa itu Islam? "Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Islam itu ialah engkau menyembah Allah (s.w.t), tidak bersekutu dengan-Nya sesuatu, mendirikan solat, menunaikan zakat yang difardukan dan berpuasa di bulan Ramadan." Jibril: "Apa itu Ihsan? Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, sekiranya engkau tidak dapat melihat-Nya, sesungguhnya Allah (s.w.t), melihat engkau . . ."

Hadis di atas menceritakan dialog antara Rasulullah (s.a.w) dengan Malaikat Jibril mengenai perkara dasar dalam Islam, iaitu iman atau akidah, Islam dan Ihsan. Sebaik sahaja selesai dialog ini, Rasulullah (s.a.w) memberitahu para sahabat, bahawa orang yang datang itu ialah Malaikat Jibril yang datang untuk mengajar tentang agama Islam.

Menurut Ghalwash, dalam hadis di atas telah meliputi segala aspek mengenai agama Islam, kerana semua soalan yang dikemukakan oleh Jibril itu ialah mengenai perkara-perkara dasar dalam agama Islam.⁷³

Dr. Abd al-Karim Zaidan juga berpegang kepada hadis di atas dalam menentukan isi dakwah. Menurutnya hadis di atas telah meliputi segala aspek mengenai ajaran Islam. Menurutnya lagi hadis tersebut menjelaskan

⁷³Dr. Ahmad Ghalwash, *op.cit.*, hal. 15.

bahwa Islam itu terdiri daripada tiga rukun, iaitu pengakuan mentauhidkan Allah (s.w.t), pengakuan tentang kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w), dan melakukan amal soleh yang terdiri dari solat lima waktu, puasa, zakat dan menunaikan fardu haji. Dalam hadis di atas hanya menyebut empat jenis amal soleh yang merupakan amalan asas dalam Islam.⁷⁴

Mengikut pendapat kebanyakan ulama hadis, mereka telah meletakkan kedudukan hadis ini berbanding dengan hadis-hadis lain seperti kedudukan surah al-Fatiha dengan keseluruhan isi al-Qur'an. Al-Qurtubi menyatakan bahawa hadis ini sebagai *ummu al-Sunnah*. Mengikut Qadi 'Iyad menyatakan bahawa hadis ini meliputi semua bidang ibadat zahir dan batin, sehingga boleh dikatakan semua ilmu syari'at merujuk kepada hadis ini.⁷⁵

Kesimpulan yang dapat diambil dari hadis dan dari pendapat beberapa orang tokoh Islam, menjelaskan bahawa perkara yang menjadi isi dakwah itu ialah agama Islam itu sendiri yang meliputi semua aspek kehidupan sama ada masalah yang berhubung dengan kehidupan dunia lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan dunia akhirat. Semuanya adalah bersumber dari al-Qur'an

⁷⁴Dr. Abd. Al-Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 15.

⁷⁵Abu Muhammad Mahmud Ibn Ahmad Badr al-Din al-'Iyni, *'Umdah al-Qari, Syarh Sahih Muslim*, Jil. 1, Dar al-Fikr, Beirut, t.th., hal. 291.

dan as-Sunnah. Selain dari itu ijmak ulama dan qias juga menjadi sumber isi dakwah.⁷⁶

Selaras dengan itu terhadap para pendakwah haruslah menguasai serta mampu mejelaskan kepada masyarakat dengan sebaik mungkin. Demikian juga dengan ilmu pengetahuan yang lain seperti ilmu sosiologi, ekonomi, politik dan sebagainya.

Nabi Muhammad (s.a.w) sentiasa dibekali wahyu oleh Allah (s.w.t) tatkala baginda menyampaikan seruan dakwah kepada kaumnya. Dengan wahyu sebagai sumber pertama di samping akhlak atau etika Rasulullah (s.a.w) yang terpuji itu, masyarakat kaum Quraisy pada dasarnya menerima dakwah Rasulullah (s.a.w). Akan tetapi kerana masyarakat Quraisy ketika itu yang pemikiran mereka dipengaruhi oleh pemimpin mereka yang menentang, terpaksa mereka ikut berbuat demikian. Pada waktu yang sama juga para pendakwah harus pandai menyesuaikan diri dengan situasi masyarakat setempat.

Berdasarkan tinjauan di atas, dapat disimpulkan bahawa inti ajaran Islam yang terkandung dalam al-Qur'an terdapat masalah yang berkaitan

⁷⁶ Yusuf al-Qardawi (Dr.), *Al-Iman wa al-Hayat*, Maktabah Wahbah, cet. 7, Kaherah, 1980M/1401H, hal. 15-18.

dengan masalah aqidah, muamalah, syariat, akhlak munakahat, *mu'asyarah bi al-makruf* (pergaulan yang harmonis) serta aspek-aspek pembangunan masyarakat. Semua ini adalah bertujuan untuk mencapai suatu masyarakat yang adil dan makmur. Di samping dapat membahagikan hidup di dunia serta di akhirat, sesuai dengan tuntutan agama.

1.2.4 TUNTUTAN BERDAKWAH DAN HUKUMNYA

Walaupun dakwah atau berdakwah itu merupakan satu perkara yang tidak asing lagi kepada manusia khususnya umat Islam, namun tidak ramai yang mengetahui hukum menyampaikan dakwah itu secara tepat. Keadaan ini berlaku kerana jika dibuat pengkajian secara detail pendapat-pendapat alim ulamak, boleh dikatakan tidak terdapat dalil yang lebih jelas mengenai hukum menyampaikan dakwah, sama ada wajib atau sebagainya.

Oleh kerana tidak terdapat dalil atau nas yang jelas menerangkan hukum berdakwah, maka ia menjadi satu perbincangan dikalangan alim ulamak. Perbincangan ini adalah disekitar apakah dakwah Islamiyyah itu fardu ain atau fardu kifayah.

Ada pendapat ulamak yang mengatakan bahawa berdakwah itu fardu ain⁷⁷ dan ada pula yang mengatakan bahawa ia fardu kifayah.⁷⁸ Kedua-dua golongan ini mempunyai asas pegangan dan hujahnya masing-masing berdasarkan prinsip al-Qur'an dan Hadis Rasulullah (s.a.w).

1.2.4.1 Fardu Ain

Menurut pendapat ulamak yang pertama yang mengatakan bahawa berdakwah itu fardu ain ialah dengan mengemukakan hujah-hujah serta pandangan mereka berdasarkan al-Qur'an. Hujah dari al-Qur'an adalah seperti berikut. Firman Allah:⁷⁹

يَكِنْهَا الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَرْتَ تَفْعَلَ فَمَا بَأْتَ رِسَالَةً
وَاللَّهُ يَعِصِّمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهِبُّ الْقَوْمَ الْكَفَّارِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

"Wahai Rasulullah: Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu, dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan peratusanNya, dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahanatan)

⁷⁷ Fardu ain ialah kewajipan-kewajipan yang mesti dilakukan oleh setiap individu muslim bagi memenuhi tanggungjawab kepada Allah (s.w.t).

⁷⁸ Fardu kifayah ialah kewajipan yang mesti dilakukan oleh seseorang atau sebahagian daripada anggota masyarakat di dalam melaksanakan tanggungjawab kemasyarakatan.

⁷⁹ Al-Qur'an, surah al-Maidah, ayat: 67.

manusia. Sesungguhnya Allah (s.w.t) tidak memberi hidayat petunjuk kepada kaum yang kafir”

Ayat di atas memerintahkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) supaya menyampaikan kepada umatnya apa sahaja yang telah diwahyukan oleh Allah (s.w.t) kepadanya.

Berhubung dengan ayat tersebut di atas, Dr. Abu Majd al-Syed Naufal menjelaskan bahawa apabila Allah (s.w.t) memberi tugas kepada Nabi Muhammad (s.a.w) dengan tugas tersebut, ini bererti bahawa Allah (s.w.t) juga memberi dan meletakkan tugas tersebut kepada umatnya. Dalam ayat lain, Allah (s.w.t) telah menjelaskan kedudukan ini iaitu, setiap orang mesti mencontohi Nabi Muhammad (s.a.w) dengan firman-Nya:⁸⁰

لَقَدْ كَانَ لِكُنُونٍ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَشَوَّهُ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ
وَأَتَيْمَ الْآخِرَةِ ذِكْرَ اللَّهِ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah (s.a.w) itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah (s.w.t) dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan memperingati Allah (s.w.t)

⁸⁰Dr. Abd Majd Naufal, *op.cit.*, hal. 30. Al-Qur'an surah al-Ahzab, ayat: 21.

banyak-banyak (*dalam masa susah dan senang*)”

Firman lagi:⁸¹

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرَجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوَمُّنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya:

“Kamu (*wahai umat Muhammad*) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (*kerana*) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan milarang daripada segala perkara yang salah (*buruk dan keji*), serta kamu pula beriman kepada Allah (*s.w.t*) (*dengan sebenar-benar iman*)”

Kedua-dua ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tugas umat Muhammad (*s.a.w*) yang disifatkan sebagai sebaik-baik umat itu ialah menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Di samping itu juga, ayat tersebut dituju kepada semua orang yang menjadi umat Muhammad (*s.a.w*) di atas muka bumi ini. Maka semua orang mestilah bersifat dengan sifat yang sedemikian. Firman Allah:⁸²

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَنِيدِهِمْ
بِالَّتِي هِيَ أَحَسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

⁸¹ Al-Qur'an, surah Ali Imraq, ayat: 110.

⁸² Al-Qur'an, surah al-Nahl, ayat: 125.

Maksudnya:

"Serulah ke jalan Tuhammu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbaluslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk"

Firman Allah:⁸³

وَأَدْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ وَلَا تَكُونَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ
(AY)

Maksudnya:

"Dan serulah manusia kepada (agama) Tuhammu, dan janganlah engkau menjadil dari golongan yang menyertai orang-orang musyrik "

Kedua-dua ayat yang tersebut di atas memerintahkan Nabi Muhammad (s.a.w) secara khususnya supaya berdakwah. Namun secara maksud yang umum, ayat-ayat tersebut juga menyeru orang-orang Islam supaya melaksanakan tanggungjawab tersebut. Dalam hal ini tidak ada dalil

⁸³ Al-Qur'an, surah al-Qasas, ayat 87.

lain yang boleh dijadikan hujah bahawa dakwah itu khusus kepada Nabi Muhammad (s.a.w) sahaja.

Berhubung dengan masalah ini, Dr. Abdul al-Karim Zaidan menjelaskan bahawa dakwah itu tanggungjawab Nabi. Tanggungjawab ini mestilah dipikul oleh semua umatnya, kecuali yang khusus kepadanya sahaja. Dengan itu Allah (s.w.t) memuliakan umat ini supaya sama-sama memikul tanggungjawab Nabi. Oleh yang demikian, walaupun terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang berhubung dengan perintah dakwah ditujukan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) sahaja, namun sebenarnya dituju kepadanya semua umatnya juga, tidak terkecuali.⁸⁴

Firman Allah:⁸⁵

قُلْ هَذِهِ رُسُولُ اللَّهِ عَلَيْهِ بَصِيرَةٌ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسَبِّحُنَّ اللَّهَ وَمَا مَأْمَنَ الْمُسَرِّكِينَ

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menengaskan: Maha Suci Allah (dari

⁸⁴Dr. Abdul Karim Zaidan, *Usul Dakwah*, cet. pertama, 1976, hal. 293.

⁸⁵Al-Qur'an, surah Yusof, ayat: 108.

segala iktikad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekuat Allah dengan sesuatu yang lain”

Ayat tersebut memerintahkan Nabi Muhammad (s.a.w) supaya membuat penjelasan kepada manusia dan jin bahawa inilah jalan dan sunnahnya, iaitu menyeru kepada tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah tanpa syirik sendikit pun. Seruan tersebut adalah jelas dengan dalil-dalil perkara berikut: beriman, beramal soleh, nasihat menasihati supaya tetap sabar dalam menegakkan kebenaran itu.⁸⁶

Firman Allah:⁸⁷

لُعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاؤِدَ وَعِيسَىٰ
أَبْنِ مَرِيمٍ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾
كَانُوا لَا يَتَنَاهُونَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لِنَسَاءٍ
مَا كَانُوا يَقْعُلُونَ ﴿٧٩﴾

Maksudnya:

“Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Isra’il telah dilaknat (di dalam kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa Ibni Maryam. Yang demikian itu, disebabkan mereka menderha dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan

⁸⁶ Muhammad Ali Sabuni, *Safwat al-Tafsir*, Beirut, 1981, hal. 601.

⁸⁷ Al-Qur'an, surah al-Maidah, ayat: 78-79.

(sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh) yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan”

Ayat-ayat yang diturunkan di atas itu, antara lain menjelaskan bahawa di antara sebab dilaknat Bani Israil dahulu ialah kerana mereka tidak mencegah kemungkaran dan yang menyakinkan bagi Nabi Muhammad (s.a.w) dan pengikut-pengikutnya.⁸⁸

Berdasarkan ayat di atas sebagaimana telah diperturunkan adalah nyata bahawa sesiapa yang mengikut Nabi Muhammad (s.a.w), maka hendaklah ia melaksanakan tugas tersebut, sebagaimana baginda melaksanakannya.

Firman Allah:⁸⁹

إِنَّ الْإِنْسَنَ لَفِي خُسْرٍ
إِلَّا الَّذِينَ امْتَنَعُوا
وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَيَّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّدَرِ
وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-

⁸⁸ Dr. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 298.

⁸⁹ Al-Qur'an, surah al-Asr, ayat: 1 – 3.

pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar”

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah (s.w.t) menentukan bahawa seluruh manusia itu berada di dalam kerugian, kecuali setelah disempurnakan keempat-empat dosa yang dilakukan dihadapan mereka.⁹⁰

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa dakwah merupakan satu tuntutan yang besar yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam, kerana ayat-ayat tersebut setiap orang Islam berbuat demikian.

Berdasarkan kepada keterangan yang diberikan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa perintah berdakwah dituju kepada setiap orang Islam. Maka dengan itu, setiap orang wajib melaksanakan tanggungjawab ini berdasarkan kemampuan yang dimiliki. Dengan itu, dakwah menjadi fardhu ain iaitu wajib dilakukan oleh setiap orang Islam berdasarkan kemampuannya.

⁹⁰ Muhammad Ali Sabuni, *Mukhtasar Tafsir Ibnu Kathir*, Beirut, 1981, hal. 538.

1.2.4.2 Fardu Kifayah

Pendapat kedua yang mengatakan bahawa hukum berdakwah itu fardu kifayah adalah berdasarkan juga kepada dalil-dalil serta ayat-ayat al-Qur'an.

Firman Allah:⁹¹

وَلَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta mlarang daripada segala perkara yang salah, (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian, ialah orang-orang yang berjaya"

Kalimah (منكم) yang terdapat dalam ayat di atas bermaksud (daripada kamu) yang menunjukkan bahawa perintah itu ditujukan kepada sebahagian daripada umat Islam sahaja, tidak kesemuanya.⁹² Berdasarkan

⁹¹ Al-Qur'an, surah Ali Imran, ayat: 104.

⁹² Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, cet. pertama, Kuala Lumpur, 1984, hal. 15.

ayat tersebut, maka al-Qurtubi berpendapat bahawa menyuruh makruf dan mencegah munkar itu fardu kifayah.⁹³

Al-Syaukani pula menyebut bahawa perintah tersebut khusus ditujukan kepada dalil-dalil ilmu yang mengetahui tentang apa yang ditegah dan apa yang disuruh.⁹⁴

Allah berfirman:⁹⁵

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كَافَةً
فَلَوْلَا فَقَرَرُوا مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّتَنْتَهَوْا فِي الدِّينِ
وَلَيُشَدِّدُوا أَقْوَامُهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْنَا لَعَلَّهُمْ يَعْدُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

"Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka, mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)"

⁹³ Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an, *op.cit.*, jil. 4, hal. 165.

⁹⁴ Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Syaukani, *Fath al-Qadir*, Beirut, jil. 1, 1964, hal. 369.

⁹⁵ Al-Qur'an, surah al-Taubah, ayat: 122.

Daripada ayat tersebut di atas, dapatlah difahami bahawa suruhan memperdalamkan ilmu untuk tujuan mengajar adalah ditujukan kepada sebahagian orang muslim sahaja, bukan semuanya. Ekoran daripada ini, dakwah ini diwajibkan ke atas sebahagian orang Islam sahaja dan gugurlah tuntutan ke atas semua orang apabila disempurnakan oleh golongan yang berkenaan.

Firman Allah:⁹⁶

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا أَعْلَمْتُمُ أَنفُسَكُمْ لَا يُضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا أَهْتَدَنِيمْ
إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيَنَبِّئُكُمُ اللَّهُ عَمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, jagalah sahaja diri kamu (dari melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah). Orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudharat kepada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat hidayah petunjuk (ta'at mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, kemudian ia akan menerangkan kepada kamu (balasan) bagi apa yang kamu telah lakukan"

Ayat yang tersebut di atas menyeru orang-orang Islam supaya menjaga diri sendiri daripada melakukan maksiat, di samping menerangkan

⁹⁶ Al-Qur'an surah al-Maidah, ayat: 105.

bahawa orang-orang yang sesat itu tidak boleh berbuat apa-apa setelah seseorang itu diberi petunjuk.

Kesimpulannya, ayat-ayat yang tersebut di atas tidak melakukan sesuatu tuntutan yang ditentukan. Dengan yang demikian, mengikut pendapat ini bahawa dakwah diwajibkan kepada golongan tertentu sahaja. Maka hukum menyampaikan dakwah itu fardu kifayah.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa dakwah merupakan satu usaha yang sangat diperlukan untuk memulihkan manusia daripada kesesatan yang nyata, lebih-lebih lagi bagi menyelamatkan manusia semasa berada di alam akhirat.

Oleh yang demikian, setiap pendakwah hendaklah mengkaji dan mempelajari segala macam ilmu yang boleh melengkapkan dirinya di dalam mengatur strategi dakwah yang sempurna.

Bagi orang Islam secara keseluruhannya hendaklah sedar bahawa tidak ada orang yang dapat melepaskan diri daripada tanggungjawab berdakwah dengan alasan tidak ada atau menguasai ilmu agama, walaupun ia. Ilmu agama bukan satu-satunya yang diperlukan di dalam dakwah Islamiyyah. Masih banyak lagi perkara-perkara lain yang diperlukan. Untuk

tujuan tersebut, masing-masing hendaklah memberi sumbangan apa sahaja yang termampu ke arah penyebaran dakwah.

1.2.5 Sasaran Dakwah

Sasaran dakwah ialah mereka yang diseru untuk menerima dakwah. Bagi menentukan keberkesanan dakwah, para pendakwah mestilah terlebih dahulu mengenalpasti golongan mana yang akan menjadi sasaran dakwah. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan lagi para pendakwah mengatur strategi dakwah yang lebih baik dan bersesuaian dengan kedudukan golongan itu tadi.

Menurut Muhammad al-Ghazali, golongan yang menjadi sasaran dakwah ialah semua umat manusia yang ada di atas muka bumi ini, kerana mereka itu adalah semulia-mulia umat makhluk ciptaan Allah (s.w.t), dan mereka semua berhajat kepada-Nya bagi memenuhi tuntutan rohani dan jasmani dari Allah (s.w.t).⁹⁷

Sehubungan dengan ini, Dr. 'Abd. Al-Karim Zaidan menyatakan, bahawa sasaran dakwah itu ialah manusia seluruhnya, kerana agama Islam

⁹⁷ Muhammad al-Ghazali, *Ma'a Allah, Dirasat fi al-Da'wat wa al-Du'at*, al-Maktabat al-Islam, Qaherah, cet. 5, 1977M/1397, hal. 22.

yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w), adalah merupakan agama yang terakhir yang juga bersifat menyeluruh.⁹⁸ Firman Allah:⁹⁹

قُلْ يَأَيُّهَا أَنَّا سُلْطَانٌ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا ﴿١٨٥﴾

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad), wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya"

Firman Allah (s.w.t):¹⁰⁰

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

"Dan tidaklah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar), akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)"

Berpandukan kepada dua ayat al-Qur'an yang tersebut di atas, menunjukkan bahawa agama Islam merupakan risalah daripada Allah (s.w.t) yang ditujukan untuk seluruh umat manusia yang ada di atas muka bumi ini

⁹⁸ Dr. Abd. Al-Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 158.

⁹⁹ Al-Qur'an surah al-A'raf, ayat: 158.

¹⁰⁰ Al-Qur'an surah Saba ayat: 28.

tanpa mengira warna kulit dan bangsa dan di mana mereka berada. Justeru itu seruan dakwah meliputi seluruh umat manusia, tidak ditentukan hanya kepada satu-satu bangsa sahaja. Seterusnya juga ayat tersebut menjelaskan bahawa tugas utama Rasulullah (s.a.w) diutuskan di atas muka bumi ini adalah sebagai pembawa berita gembira (*basyiran*) dan juga pembawa berita ancaman (*naziran*), iaitu sebagai pendakwah yang akan memimpin umat manusia ke jalan yang lurus iaitu jalan yang direndai Allah (s.w.t).¹⁰¹

Memandangkan kepada corak kehidupan manusia yang berbeza, maka sasaran dakwah juga berbeza, pertama; golongan yang bukan Islam, kedua; golongan orang Islam.

1.2.5.1 **Golongan Yang Bukan Islam**

Golongan pertama yang menjadi sasaran dakwah Islam ialah mereka yang bukan Islam. Golongan ini termasuklah mereka yang tidak ada agama pada pegangan mereka. Isi dakwah kepada golongan ini dilihat kepada apa agama dan kepercayaan mereka anutti.¹⁰²

¹⁰¹ Dr. 'Abd. Al-Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 358.

¹⁰² Hj. Abdul Hadi Awang, "Mengenal Ilmu Dakwah", 'Koleksi INDAH' Bahagian Hal Ehwal Agama Islam (BAHEIS) Jabatan Perdana Menteri (JPM) Kuala Lumpur, 1990, hal. 7.

Sasaran dakwah kepada orang musyrik maka penekanan isi dakwah hendaklah dalam bentuk mengajak sasaran tersebut supaya memikirkan kepercayaan dan amalan mereka.¹⁰³ Beberapa pendedahan berhubung dengan kepercayaan mereka hendaklah dibuat, iaitu:

- i. Tuhan tidak perlu banyak, kalau tidak akan merosakkan alam ini. Contohnya seperti dijelaskan oleh Allah (s.w.t) di dalam firman-Nya:¹⁰⁴

وَمَا أَنْتُ بِمُعْجِزٍ كَمَا
وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ

Maksudnya:

“Dan kamu tidak akan dapat melepaskan diri (dari kekuasaan Allah) di bumi dan tidak juga dilangit (sekalipun); dan kamu tidak akan mendapat sebarang pengawal dan penolong yang lain daripada Allah”

- ii. Hanya Allah yang mencipta, mentadbir, memberi rezeki dan mengawal alam ini. Selain daripada-Nya adalah makhluk. Ini dijelaskan di dalam firman-Nya:¹⁰⁵

وَجَعَلَ اللَّهُ شَرِكَاءَ الْأَنْجَنَ وَخَلْقَهُمْ وَخَرْقَوْهُمْ بَنِينَ وَبَنْتَيْتَ بَغْرَيْ عَلَيْهِ
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يَصِفُونَ

¹⁰³ Muhammad al-Kader Hussein, *Muhammad Rasulullah Khatam al-Nabiyyin*, Ali Riadhi al-Tunisiyyi, 1982, hal. 38.

¹⁰⁴ Al-Qur'an surah al-'Ankabut, ayat: 22.

¹⁰⁵ Al-Qur'an surah al-An'am, ayat: 100.

Maksudnya:

"Dan mereka menjadikan jin sesekutu bagi Allah, pada hal Allah jualah yang menciptakan jin-jin itu; dan mereka berdusta terhadap Allah dengan mengada-adakan bagi-Nya anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan, dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan. Maha Suci dan Maha Tinggilah Ia dan apa yang mereka sifatkan"

Firman lagi:¹⁰⁶

ذَلِكُمْ أَنَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَلِقُ كُلِّ شَيْءٍ
فَاعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَكَافِلٌ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya:

"Yang demikian (sifat-sifat dan kekuasaan-Nya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang disembah dengan sebenar-benarnya) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu. Oleh itu, beribadatlah kamu kepadaNya, dan ingatlah, Dialah yang mentadbirkan segala-galanya"

Seterusnya kalau sasaran dakwah orang *mulhid*, maka isinya hendaklah berada disekitar arahan supaya mereka memerhati keadaan alam ini, sama ada manusia, alam haiwan, alam tumbuhan, alam atasan (kosmos)

¹⁰⁶ Al-Qur'an surah al-An'am, ayat: 102.

atau lain-lainnya. Hasilnya, akan menyedarkan golongan tersebut bahawa pencipta alam ini dan hari kebangkitan tetap ada. Contohnya ayat yang menerangkan hal-hal tersebut ialah, firman Allah:¹⁰⁷

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّنْ مَاءٍ فَيَنْهَا مَنْ يَشَاءُ عَلَى دُطْنِيهِ وَمِنْهُمْ مَنْ
يَنْهَا عَلَى رِجْلَيْهِ وَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَى أَرْبَعٍ يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ
إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٦﴾

Maksudnya:

“Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air, maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagiannya di antaranya berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Ia kehendaki (selain dari yang tersebut) kerana sesungguhnya Allah amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu”

Manakala sasaran dakwah kepada orang munafik, isinya hendaklah dalam lingkungan ugutan dan menakut-nakutkan. Ia juga hendaklah bukan bentuk mendedahkan keadaan sebenar orang munafik; luar dalamnya, supaya mereka menyedari bahawa mereka dikenali umum. Ini dapat dijelaskan oleh Allah. Firman-Nya:¹⁰⁸

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ إِنَّمَا أَمْنَى النَّاسُ قَالُوا أَنَّمِنْ كَمَآءَ امْنَ السُّفَهَاءُ
أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِنَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

¹⁰⁷ Al-Qur'an surah al-Nur, ayat: 45.

¹⁰⁸ Al-Qur'an, surah al-Baqarah, ayat: 13.

Maksudnya:

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang itu telah beriman", mereka menjawab: "patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu?" Ketahuilah, bahawa sesungguhnya mereka lahir orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (akan hakikat yang sebenarnya)"

Sasaran dakwah kepada orang kristian, isi dakwahnya berbentuk perintah dan arahan supaya mereka merujuk kembali kepada kandungan asal kitab mereka. Sebab, kalau mereka merujuk kepada kitab mereka yang asal, mereka akan berjumpa dengan perkhabaran mengenai Nabi terakhir dan dasar-dasar pengajaran mereka berbanding dengan pokok pengajaran Nabi Muhammad (s.a.w), iaitu kedua-duanya sama, sebab puncanya sama.

Di samping itu, penekanan juga hendaklah diberikan mengenai larangan supaya seseorang itu tidak melampaui di dalam menilaikan sesuatu, seperti mengatakan Isa (a.s) anak Tuhan. Contoh ayat dalam hal tersebut ialah firman Allah:¹⁰⁹

قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَابِ تَعَاوَلُوا إِنَّ كَلِمَةَ سَوَامِعِ بَنِتَنَا وَبَنِنَا
أَلَا نَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ وَلَا شُرِيكَ لَهُ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذُ بَعْضُنَا^{١٤}
بَعْضًا أَزْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلُّوْا فَقُولُوا أَشْهُدُو إِنَّا

مُسْلِمُونَ

¹⁰⁹ Al-Qur'an surah Ali Imran, ayat: 64.

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab". Marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jiwa pun, dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain, untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah, kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima) maka katankanlah kepada mereka: "sampaikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami ialah orang-orang Islam"

Ayat tersebut dapat difahami bahawa ada sesetengah golongan manusia yang menjadikan kalangan manusia sebagai tuhan-tuhan yang dipuja dan disembahnya. Dengan yang demikian, menyembah manusia itu bukanlah bererti dengan melakukan sesuatu perbuatan tertentu kepada seseorang sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan orang sekarang. Pengertian penyembahan itu jauh lebih luas daripada apa yang difahamkan oleh banyak orang selama ini.

Berdasarkan kepada beberapa keterangan di atas menunjukkan bahawa isi dakwah kepada sasaran berbeza penekanannya antara satu golongan dengan golongan yang lain, iaitu berdasarkan kepada kesesuaian dengan masalah yang ada pada mereka.

1.2.5.2 Golongan Orang Islam

Golongan kedua yang menjadi sasaran dakwah ialah orang Islam. Untuk orang Islam, pada dasarnya isi dakwah adalah berupa pendedahan tanggungjawab yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam. Kemantapan akidah Islam, tuntutan Islam dan akhlak Islam perlu ditonjolkan. Dengan itu, isi dakwah kepada orang Islam disekitar suruhan dan larangan yang mesti dipatuhi oleh setiap orang Islam.¹¹⁰

Secara umumnya, golongan ini dapat dibahagikan kepada dua golongan:

i. Golongan Intelek

Menurut Sheikh Muhammad Abduh, golongan intelek dapat dikategorikan kepada tiga golongan:¹¹¹

Golongan yang mempunyai daya pemikiran yang tinggi.

Mereka berpegang teguh dengan prinsip dan pegangannya.

¹¹⁰ Abd. Al-Zahir, Hassan 'Isa (Dr.), *Fusul fi al-Da'wah wa al-Thaqafah al-Islamiyah*, Kuwait, 1981, hal. 77-79.

¹¹¹ Sheikh Muhammad Abduh, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*, juz. 3, Maktabah al-Qaherah, hal. 13.

Golongan yang berfikiran terbuka dan tidak bersikap taksub dengan pegangannya.

Golongan yang dapat menerima sesuatu dengan hujah yang kuat dan menyakinkannya.

ii. Masyarakat Awam

Jika ditinjau masyarakat Islam hari ini, sebahagian besarnya terdiri daripada masyarakat awam. Kehidupan mereka tidak terkecuali daripada melakukan perbuatan dosa dan maksiat iaitu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan syariat Islam. Perbuatan ini akan menjelaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah (s.w.t). Oleh kerana itu, usaha dakwah terhadap golongan ini amatlah penting untuk memperbaiki kehidupan seharian mereka supaya sesuai dengan syariat Islam. Pendekatan yang digunakan juga mestilah sesuai dengan sasaran.

iii. Masyarakat Pertengahan

Sasaran dakwah kepada masyarakat pertengahan ini merupakan satu usaha yang sangat perlu dilaksanakan kepada kumpulan ini supaya mereka sentiasa berada di atas landasan syarak yang sebenarnya. Ini adalah kerana

dalam suasana menjalankan tugas sehari-hari mereka sentiasa terdedah kepada perkara-perkara yang bertentangan syariat agama.

iv. Golongan Pelajar Dan Belia

Golongan pelajar dan belia meliputi sebahagian besar daripada penduduk negara. Golongan ini merupakan tunggak negara di masa akan datang. Usaha dakwah perlu dijalankan terhadap golongan ini agar dapat membentuk pelajar atau belia yang bertaqwa dan bermoral tinggi selaras dengan matlamat dan harapan negara.

v. Golongan *al-Mala'* (Atasan)

Golongan yang terakhir ialah golongan atasan yang terdiri daripada pembesar-pembesar negara. Golongan ini disebutkan di dalam al-Qur'an sebagai *al-Mala'*.¹¹² Dr. Abd al-Karim Zaidan menjelaskan bahawa golongan *al-Mala'* ini ialah orang-orang yang berkuasa yang terdiri daripada kalangan pemimpin-pemimpin negara. Mereka ini mempunyai kuasa dan pengaruh di kalangan rakyat. Ini bererti mereka memainkan peranan penting dalam mempengaruhi rakyat untuk menerima serta menghayati Islam.¹¹³

¹¹²Al-Qur'an surah al-'Araf, ayat: 39-60, Saad, ayat: 7 dan Hud, ayat: 27.

¹¹³Dr. Abd al-Karim Zaidah, *op.cit.*, gal. 342.

1.2.6 Metode Dakwah

Metode atau *uslub al-da'wah* ialah cara penyampaian atau pendekatan dakwah Islam kepada sasarannya. Mengetahui tentang metode atau *uslub al-da'wah* adalah penting kepada pendakwah, kerana tanpa menggunakan metode dakwah yang betul berkemungkinan akan membawa kepada kurangnya keberkesanan dalam penyampaian dakwah. Tambahan pula jika sesuatu penyampaian itu kabur atau mengelirukan, maka akan menyebabkan orang yang didakwahkan itu akan bertambah liar dan semakin menjauhkan diri. Keadaan seperti ini tentulah amat merugikan.

Mengenai metode atau *uslub al-da'wah* ini, Dr. 'Abd al-Karim Zaidan membuat perbandingan seperti mana penyakit dengan ubat. Beliau memberi contoh seorang doktor yang hendak mengubati penyakit seseorang perlulah terlebih dahulu mengenalpasti penyakitnya. Selepas itu barulah memberikan ubat yang sesuai dengan penyakit tadi. Begitu juga dengan pendakwah yang ingin mengubati hati dan jiwa seseorang sasaran dakwah, tidak memadai jika pendakwah hanya memberi ubat tanpa mengetahui penyakitnya terlebih dahulu. Dalam hal ini Dr. 'Abd. Al-Karim Zaidan tidak menjelaskan apa sebenarnya metode dakwah itu, tetapi beliau mengakui tentang pentingnya metode dalam penyampaian dakwah.¹¹⁴

¹¹⁴ Dr. 'Abd al-Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 405.

Nawfal berpendapat bahawa penentuan metode dakwah adalah berdasarkan kepada penjelasan Allah (s.w.t), melalui firmanNya dalam surah *al-Nahl* ayat 125, yang menggariskan tiga bentuk metode dakwah, iaitu *hikmah*, *mau'izah al-hasanaat*, dan *mujadalat bi al-lati hiya ahsan*. Menurutnya ayat ini juga menjadi panduan utama kepada rasul-rasul dan para pendakwah selepasnya.¹¹⁵ Firman Allah (s.w.t):¹¹⁶

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْتَّوْهِيدِ لِهِمْ
إِنَّ الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّمِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan *hikmah bijaksana* dan *nasihat pengajaran* yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu *Dialah* juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan *Dialah* juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk”

Mengenai ayat di atas Ibn Kathir mentafsirkan perkataan *hikmah*, sebagai apa yang telah diturunkan oleh Allah (s.w.t), kepada rasul-rasulNya yang terdiri daripada *al-Kitab* dan *al-Sunnah*. Perkataan *al-maw'izat al-hasanaat* bererti perkara-perkara yang berbentuk pengajaran dan peringatan kepada manusia dan perkataan *mujadalat* pula bererti berbincang atau

¹¹⁵ Nawfal, *op.cit.*, hal. 189.

¹¹⁶ Al-Qur'an surah *al-Nahl*, ayat: 125.

berdialog kepada sesiapa yang perlu menggunakan cara ini. Berdialog hendaklah dengan cara yang lemah lembut dan manis muka.¹¹⁷

Bagi menjelaskan ketiga-tiga bentuk metode ini, penulis akan menjelaskan secara terperinci di samping merujuk kepada beberapa pendapat dan pandangan dari tokoh-tokoh cendikiawan Islam.

1.2.6.1 *Al-Hikmah* (Kebijaksanaan)

Salah satu daripada metode dakwah ialah hikmah iaitu satu cara yang berbentuk penerangan dan penjelasan yang tepat dan betul berdasarkan dalil dan bukti yang tepat dan nyata kebenaran atau nyata kebatilannya.

Menurut Sayyid Qutub, berdakwah secara hikmah ialah dengan cara terlebih dahulu melihat kepada persekitaran dan latar belakang orang yang akan didakwahkan itu. Ini bertujuan supaya dakwah yang akan disampaikan nanti tidak membebankan atau menyusahkan mereka di samping dapat memudahkan mereka menerima dakwah.¹¹⁸

¹¹⁷ Al-Imam al-Hafiz Ismail Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, cet. 1, juz. 2, Qaherah, 384H, hal. 167.

¹¹⁸ Sayyid Qutub, *Fi Zilal al-Qur'an*, jil. 5, cet. ke 7, Beirut, Lubnan, 1971M/1391H, hal. 292.

Sheikh Abdullah Basmeih menjelaskan bahawa maksud hikmah dalam ayat 125 surah *al-Nahl*, ialah memberi penjelasan yang tepat dan betul berdasarkan dalil dan bukti yang kukuh dan menghapuskan kekeliruan.¹¹⁹

Prof. Dr. Hamka menjelaskan bahawa hikmah bererti bijaksana, akal budi yang mulia, dada yang lapang dan hati yang bersih, untuk menarik manusia kepada agama atau kepercayaan kepada Tuhan. Kebijaksanaan itu bukan sahaja dengan ucapan mulut, bahkan termasuk juga dengan tindakan dan sikap hidup. Kadang-kadang diam itu lebih berhikmah dari bercakap.¹²⁰

Dr. Wan Hussein Azmi membahagikan hikmah kepada tiga bahagian; pertama memujuk kepada pendakwah itu sendiri, di mana pendakwah itu hendaklah bersifat dengan sifat-sifat para Rasul iaitu benar, amanah, cerdik, tabligh, berlaku adil, tidak pemarah, sabar dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas. Kedua merujuk kepada isi kandungan dakwah, yang perlu diambil daripada al-Qur'an dan segala penerangan yang diberikan sewajarnya bertepatan dengan kebenaran dan menghilangkan segala keraguan. Ketiga merujuk kepada alat dan starategi dakwah, di mana para pendakwah hendaklah menggunakan alat-alat dan strategi yang betul sesuai

¹¹⁹Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Bahagian Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1995, hal. 668.

¹²⁰HAMKA, Prof. Dr. Hj. Abd. Malik Abd. Karim Amrullah, *Tafsir al-Azhar*, Pustaka Nasional, Singapura, 1990, jil. 5.

dengan tempatnya untuk menegah berlakunya kerosakan dalam gerakan dakwah.¹²¹

Menurut Akmal Hj. Mohd. Zain, pendakwah mestilah bijaksana dalam menjalankan dakwah dengan penuh hikmah iaitu secara halus dan lemah lembut supaya dapat menarik sasaran dengan mudah dan berkesan.¹²²

Dari penjelasan yang diberikan di atas menunjukkan bahawa hikmah bererti bijaksana dalam menyampaikan dakwah. Bijaksana dalam ertikata mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, berakhhlak mulia, di samping berdakwah dengan cara yang halus dan bersopan santun sehingga boleh menyakinkan manusia ke arah menerima dakwah. Sebaliknya jika pendakwah bersikap atau bertindak secara kasar, sudah tentu dakwahnya tidak berjaya. Justeru itu seseorang pendakwah perlulah berusaha dengan penuh bijaksana untuk menarik perhatian orang yang didakwahnya sehinggalah dapat membuka pintu hatinya dan seterusnya mereka menerima Islam dengan hati yang lapang.

¹²¹Dr. Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hal. 34-35.

¹²²Akmal Hj. Mohd Zain, *Bimbingan Berdakwah Masa Kini*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1984, hal. 14.

1.2.6.2) *Al-Maw'izah al-Hasanah* (Pengajaran Dan Nasihat Yang Baik)

Metode dakwah yang kedua terpenting berdasarkan ayat al-Qur'an dalam surah *al-Nahl* ayat 125, ialah *al-Mau'izah al-Hasanah* yang bererti pengajaran atau pesanan yang baik yang disampaikan sebagai nasihat.

Al-Alusi menjelaskan, *al-mau'izah al-hasana* bererti pengajaran-pengajaran yang baik yang memberi manfaat, ucapan-ucapan yang bernaas dan peringatan-peringatan yang boleh memberi kesedaran dan dapat menghindarkan manusia dari keburukan.¹²³

Mengikut Sheikh Basmeih, penyampaian dengan cara *al-mau'izah al-hasana* iaitu dengan memberi nasihat-nasihat yang berbentuk pengajaran yang menarik dengan menyebut peristiwa-peristiwa yang mendatangkan pengajaran, supaya manusia dapat mematuhi perintah Allah (s.w.t) dan menjauhi laranganNya. Dengan cara yang demikian dapat melembutkan tentangan mereka.¹²⁴

¹²³ Al-Alusi Abu al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Baghdadi, *Ruh al-Ma'ani fi al-Tafsir al-Qur'an al-Karim wa al-Sab'a al-Mathani*, jil. 2, Dar al-Fikri, Beirut, 1978, hal. 254.

¹²⁴ Sheikh Abdullah Basmeih, *op.cit.*, hal. 668.

Sayyid Qutub pula menyatakan, *al-mau'izah al-hasannah* ialah cara persempahan atau penyampaian dakwah itu sendiri, yang mesti disampaikan dengan cara terbaik, lemah lembut dan bahasa yang halus yang boleh menusuk ke lubuk hati pendengar. Penyampaian tidak secara kasar dan menyinggung perasaan pendengar.¹²⁵

Tutur kata yang diucapkan hendaklah indah, manis didengar serta berbentuk pujuk rayu di samping menyampaikan berita-berita gembira yang boleh menggerakkan individu ke arah melakukan kebaikan. Firman Allah:¹²⁶

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ يَشِيرُ إِلَيْنَاهُ وَإِنَّمَا مِنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَفَهُنَّ بَغْيًا

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah mengutus engkau menjadi pembawa berita gembira dan ancaman. Dan tidak ada suatu ummat pun melainkan sudah ada di sana orang yang memberi ingat itu”

Menurut Prof. Dr. Hamka dalam menjelaskan perkataan *basyir* dalam ayat yang tersebut di atas, bererti pembawa berita yang menggembirakan hati. Di antara berita yang menggembirakan itu ialah tentang ganjaran dan pahala yang akan diperolehi oleh orang-orang yang beriman dan mengamalkan amalan yang saleh di akhirat nanti. Dengan berita-berita yang

¹²⁵ Sayyid Qutub, *Loc.cit.*

¹²⁶ Al-Qur'an surah Faatir, ayat: 24.

gembira yang disampaikan itu diharapkan manusia dapat menerima Islam dengan hati yang terbuka dan penuh reda.¹²⁷

Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan di atas, maka jelaslah bahawa dakwah Islam perlu disampaikan dengan cara lemah lembut sehingga ia dapat meresap ke dalam hati dan jiwa seseorang pendengar. Jelasnya, bukan nasihat yang disampaikan secara keras, cemuh, ugutan dan sebagainya. Sesungguhnya berlemah lembut dan bersopan santun di dalam menjalankan dakwah dapat menimbulkan rasa kesedaran dan keinsafan dalam diri manusia, di mana dapat menjadikan seseorang itu merasai bahawa dirinya sedang berhadapan dengan dakwah dengan penuh rasa kasih sayang. Jika keadaan ini berlaku peluang kearah penerimaan dakwah itu lebih luas dan meyakinkan.

1.2.6.3. *Al-Mujadalah Bi al-Lati Hiya Ahsan* (Perbincangan Dengan Cara Yang Lebih Baik)

Mujadalah bererti perbincangan atau bertukar-tukar fikiran. Tujuannya adalah untuk mengelakkan pendengar atau sasaran dakwah dari membuat tanggapan bahawa pendakwah itu menyerang agama yang mereka

¹²⁷ Prof. Dr. HAMKA, *Prinsip Dan Perlaksanaan Dakwah Islam*, Umnida, Jakarta, 1982, hal. 64.

anuti selama ini, malahan perbincangan ini perlulah dijalankan secara aman damai dan persahabatan dalam mencari kebenaran.

Dalam *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan *mujadalah bi al-lati hiya ahsan* ialah berbahas atau berdialog dengan golongan yang ingkar dengan cara yang sebaik mungkin iaitu dengan menggunakan kata-kata yang baik dan lemah lembut, kerana dengan cara ini mungkin dapat melembutkan tentang mereka seterusnya dapat menerima seruan dakwah.¹²⁸

Menurut pendapat Dr. Rauf Syalabi, *mujadalah* ini perlulah dijalankan dengan cara yang sebaik mungkin, iaitu dengan lemah lembut dan tutur kata yang membina serta mengekalkan keharmonian dan kemuliaan akhlak yang baik.¹²⁹

Dr. 'Abd. Karim Zaidan menjelaskan bahawa *mujadalah* perlulah diadakan dengan cara yang sebaik mungkin, iaitu dengan menggunakan kata-kata yang penuh berakhlek dan sopan santun, lemah lembut dan merendah diri, bertenang, penuh rasa kasih sayang dan perlu menjauhkan diri dari sifat-sifat negatif, seperti marah, serta mengeluarkan kata-kata yang boleh

¹²⁸Sheikh Abdullah Basmeih, *op.cit.*, hal. 668.

¹²⁹Dr. Rauf Syalabi, *al-Da'wah al-Islamiyyah fi 'hdhiha al-Makkah*, Dar al-Qalam, Kuwait, 19821402H, hal. 350.

menyenggung perasaan pendengar. Pendakwah juga tidak boleh lari daripada matlamat utama iaitu untuk menyatakan serta meyakinkan kebenaran Islam kepada pendengar.¹³⁰

Manakala M. Natsir berpendapat, bentuk *mujadalah* secara debat ini sesuai digunakan untuk menghadapi golongan cerdik pandai, manakala *mujadalah* secara soal jawab yang mudah sesuai digunakan menghadapi golongan awam.¹³¹

Sekarang ini pendapat sering menerima tentangan, cabaran dan hujah-hujah dari musuh-musuh Islam atau orang-orang yang ingin mengujinya. Justeru itu sebagai pendakwah, mereka tidak perlu takut bagi menghadapi cabaran ini, malahan mereka perlu berhadapan dengan perbincangan yang baik, bijaksana, tegas, tepat dan sabar. Mudah-mudahan dengan cara ini golongan musuh-musuh Islam tadi akan memahami Islam dengan lebih jelas.¹³²

Berdasarkan kepada penjelasan yang tersebut di atas, terdapat tiga pendekatan yang utama dalam menyampaikan dakwah kepada manusia, iaitu *al-Hikmah*, *al-Maw'izah* *al-Hasanah* dan *al-Mujadalah*. Ketiga-tiga

¹³⁰Dr. 'Abd. Al-Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 460.

¹³¹M. Natsir, *Fiqh al-Dakwah*, Pustaka Nasional, Singapura, cet. 2, 1982, hal. 162.

¹³²*Ibid.*, hal. 159.

pendekatan tersebut agak ada persamaan dengan beberapa teknik yang terdapat di dalam kauseling.

Al-Hikmah Dalam Teknik Kauseling

Pada keseluruhannya, kemahiran atau teknik-teknik kaunseling juga berasaskan kepada aspek yang dikatakan *al-Hikmah* di dalamnya seperti memilih dan menyusun kata-kata dengan baik, teratur dan tepat sesuai dengan kemampuan atau penerimaan klien. Dalam konteks ini ia meliputi aspek kemahiran menyoal, kemahiran tingkah laku memberi perhatian, kemahiran mengenal pasti masalah, kemahiran medorong klien, kemahiran mendapatkan penjelasan, kemahiran memberi nasihat, kemahiran membuat refleksi emosi, kemahiran mengulas, kemahiran konfrantasi dan kemahiran pendedahan kendiri. Semua kemahiran ini yang berkehendakkan kepada kebolehan bertindak balas terhadap kata-kata dan persoalan yang dikemukakan oleh klien dengan jelas dan betul.¹³³

Hasil dari kebijaksanaan dan ketepatan tindak balas kaunselor akan memberi ruang yang lebih luas kepada klien untuk terus meneroka, memahami dan terhadap dirinya serta menwujudkan suasana terapeutik yang merawat jiwa dan pemikiran klien.

¹³³Belkin, G.S, *An Introduction To Counseling*, Iowa, N.C, Brown Co. Publisher, 1980, hal. 95.

Peranan kaunselor hanyalah sebagai penolong atau pembantu kepada klien membuat keputusan. Kaunselor tidak boleh membuat keputusan atau pilihan untuk kliennya. Kaunselor tidak boleh mempengaruhi atau memaksa klien menerima keputusan atau pilihannya. Kaunselor hanya berperanan sebagai pemberi maklumat, penerang, penjelas dan pembimbing sahaja. Setelah menerima penjelasan dan penerangan daripada kaunselor, klien sendirilah yang membuat keputusan dan bertanggungjawab ke atas implikasi yang dibuatnya.

Dalam sesi kaunseling dan teknik-teknik yang dilakukan oleh kaunselor dengan mengikuti arus perbualan klien memberi perhatian kepada isi percakapan, perasaan dan makna melalui apa yang diperkatakan oleh klien. Pada peringkat ini, kaunselor akan membantu klien mencari satu alternatif atau jalan keluar berdasarkan kepada kemampuan, suasana dan keadaan diri klien tanpa memberatkan klien dengan perkara yang tidak mampu dilakukan olehnya.

Berdasarkan kepada penjelasan yang tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa uslub *al-Hikmah* yang terdapat di dalam dakwah ada persamaannya di dalam teknik kaunseling iaitu kaunselor menggunakan kebijaksanaan dalam menangani masalah klien, mengetahui tingkah laku

klien, meletakkan sesuatu kena pada tempatnya, berilmu dan berdiplomasi dalam menghadapi klien.¹³⁴

Al-Maw'izah al-Hasanah Dalam Teknik Kaunseling

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa *al-Maw'izah al-Hasanah* merupakan salah satu metode dakwah seperti yang telah dijelaskan oleh Allah (s.w.t) di dalam firman-Nya dalam surah al-Nahl ayat 125.

Menurut Ibn Kathir, *al-Maw'izah al-Hasanah* ialah mengingatkan manusia terhadap realiti yang berlaku pada diri. Manakala al-Alusi pula mendefinisikan sebagai satu susunan kata-kata yang berfaedah serta tidak sukar difahami oleh orang lain dengan tujuan untuk membimbing dan memberi peringatan.¹³⁵

Metode dakwah ini ada dilaksanakan di dalam kaunseling dan juga merupakan salah satu teknik atau kemahiran dalam kaunseling. Ia dilakukan dengan baik sehingga dapat menarik perhatian klien.¹³⁶ Pendekatan seperti ini dapat menghilangkan kekerasan dan sifat sompong seterusnya dapat

¹³⁴Muhammad Farid al-Wajdi, *Dairat Ma'arif al-Qur'an al-'Ishrin*, Dar al-Ma'arif, Beirut, jil. 3, hal. 473.

¹³⁵Shihabuddin al-Sayyid Muhammad al-Alusi, *Tafsir Ruh al-Ma'ani*, Ihya al-Turath al-Arabi, jil. 14, Beirut, hal. 254.

¹³⁶Wan Hussain Azmi Abdul Kadir, *op.cit.*, hal. 86.

membuka hati orang yang mendengar (klien) untuk menerima apa yang disampaikan.

Memberi nasihat dalam konteks kaunseling ialah cadangan-cadangan atau saranan-saranan yang sopan dengan kata-kata yang menarik hati dan bukannya dengan kritikan, cemuhan, paksaan, ugutan dan sebagainya.

Dalam kaunseling peringatan dan bimbingan yang tersusun merupakan salah satu teknik yang digunakan dalam proses kaunseling. Biasanya dicadangkan beberapa panduan dan saanan kepada klien berdasarkan kebijaksanaan atau kepakaran kaunselor dalam bidangnya bagi membantu klien membuat pilihan. Klien juga dibimbing untuk berfikir berdasarkan realiti dan peristiwa yang berlaku ke atas dirinya ketika itu. Semua proses ini harus dijalankan dalam suasana harmoni dan mesra, bertujuan untuk menyediakan keadaan tenang dan bersifat teraputik. Suasana sebegini dapat membantu dengan memberi individu berkenaan semangat dan sokongan agar ia mendapat kembali kekuatan untuk terus hidup. Berbincang dan mendengar masalahnya dapat menenangkan peluang untuk mengumpul tenaga dan kekuatan untuk menghadapi cabaran itu.¹³⁷

¹³⁷ Zuraidah bte Abdul Rahman, *op.cit.*, hal. 43.

Teknik *al-Mujadalah* atau Konfrantasi Dalam Kaunseling

Perbincangan bersemuka atau dialog adalah bertujuan untuk melahirkan kebesaran ia disebut sebagai *al-Mujadalah*.¹³⁸ Pendekatan *al-Mujadalah* hendaklah jelas tujuan dan matlamatnya. Ia termasuklah kemampuan berhujah dalam sesuatu perkara yang benar dengan hujah-hujah yang diyakini.

Dalam kaunseling, penggunaan konfrantasi ialah untuk mengenal pasti apakah perasaan sebenar yang sedang dirasai oleh seseorang itu secara jujur dan langsung. Konfrantasi membolehkan kaunselor membangkitkan perasaan sebenar yang dirasai oleh klien dan mengetengahkan perasaan yang disembunyikan. Terdapat lima tujuan konfrantasi dilakukan adalah:¹³⁹

- a. membenarkan klien menerokai mekanisme helah bela diri yang menghindari pemahaman dan tindakannya.
- b. Membantu klien mengenalpasti satu kontradiksi, reasonalisasi, helah atau salah intrapretasi.

¹³⁸Ideris Endot, "Peranan Psikologi Masyarakat Islam Dalam Dakwah Islamiyah" dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, disunting oleh Sidi Gazalba dan Zainab Ismail, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1993, hal. 119.

¹³⁹Ishamuddin Ismail, *op.cit.*, hal. 163.

- c. Membantu klien menerokai bahagian-bahagian perasaan, pengalaman dan tingkah laku yang klien sendiri merasa berat untuk menghadapinya.
- d. Menunjukkan kepada klien apa yang sedang berlaku pada diri klien.
- e. Supaya tingkah laku klien menjadi lebih sempurna dan bersepada.

Teknik ini digunakan secara langsung oleh kaunselor untuk mencari pengalaman, penilaian dan pentafsiran yang sama secara bebas dan rasional antara kaunselor dan klien. Kemahiran ini digunakan oleh kaunselor apabila klien membuat penilaian, huraian atau mengkonsepsikan dirinya sendiri berbeza dengan apa yang difahami atau dikonsepsikan oleh orang lain atau oleh kaunselor sendiri.¹⁴⁰

Biasanya dalam konfrantasi, masing-masing ingin menegakkan hujah sendiri dengan mengenepikan hujah orang lain. Meskipun teknik berbentuk mencabar perasaan, pandangan dan tingkah laku klien, kaunselor hendaklah berhati-hati agar ia dijalankan dengan baik dan tidak menyenggung perasaan klien.

¹⁴⁰ Aziz Salleh, *op.cit.*, hal. 78.

Konfranatasi dalam teknik kaunseling ini bersesuaian dengan pendapat Ibn Kathir berhubung dengan *al-Mujadalah* ini yang mengatakan sebarang pendekatan atau bertukar-tukar fikiran hendaklah dengan cara yang baik, malah menimbulkan perasaan marah dan benci.¹⁴¹

Oleh yang demikian, *al-Mujadalah* yang terdapat di dalam metode dakwah merupakan teknik yang ada persamaan dengan konfrantasi yang tardapar di dalam kaunseling Barat cuma pentafsirannya sahaja yang berbeza.

Penjelasan mengenai metode dakwah yang dijelaskan sebelum ini seperti *al-hikmah*, *al-Maw'izah*, *al-Hasanah* dan *al-Mujadalah* jelas menunjukkan terdapat titik persamaan dengan teknik-teknik yang terdapat di dalam kaunseling konvensional yang diamalkan oleh Barat.

¹⁴¹ Muhammad Husin Fadlullah, tt, *Ushab al-Da'wah fi al-Qur'an*, Dar al-Zahra, Beirut, hal. 55

1.2.7 Media Dakwah

Media dakwah atau alat dakwah ialah segala bentuk saluran yang membantu juru dakwah atau para *da'i* dalam menyampaikan dakwahnya secara efektif dan efisien.¹⁴² Media dakwah di zaman Rasulullah (s.a.w) mempunyai sedikit perbezaan jika dibandingkan dengan media yang ada sekarang ini walaupun secara asasnya media adalah sama dan mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Ianya dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu:

- i. Media Ekstern (Luaran)
- ii. Media Intern (Dalam)

Yang dimaksudkan dengan Media Ekstren atau luaran ialah yang mempunyai hubungan langsung dengan penggunaan kesempatan yang lebih menguntungkan dalam melaksanakan dakwah¹⁴³ dan ia adalah berdasarkan pandangan yang tepat terhadap kenyataan hidup yang selalu tunduk kepada sebab akibat.¹⁴⁴

¹⁴² Dr. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 225.

¹⁴³ *Ibid.*

¹⁴⁴ ¹*Ibid.*

Antara tiga sifat yang penting di dalam media ekstern dakwah ini ialah:

i. Sifat waspada (*hazar*) iaitu teliti dan berhati-hati dalam setiap tindakan bagi setiap perkara dan ianya mestilah bersumberkan ilmu pengetahuan dan ketelitian.¹⁴⁵ Sebenarnya, sifat waspada ini bukanlah bererti takut yang membawa seseorang itu berputus asa dan menyerah kalah sebelum berjuang, akan tetapi ia adalah sebagai langkah bersiap sedia menghadapi sesuatu yang tidak diingini.

Begitulah juga hal dengan pendakwah, sudah semestinya mereka berwaspada dalam setiap perkara kerana seorang pendakwah yang baik ialah mereka yang berhati-hati dalam setiap urusan yang dijalankan, sesuai dengan firman Allah (s.w.t).¹⁴⁶

وَخُذْ وَاحِدَرْكُمْ إِنَّ اللَّهَ أَعْدَّ لِلْكُفَّارِ مِنْ عَذَابًا مُّهِينًا

Maksudnya:

“Dan hendaklah kamu mengambil langkah berjaga-jaga. Sesungguhnya Allah telah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang amat menghina”

¹⁴⁵ *Ibid.*, hal. 226.

¹⁴⁶ Al-Qur'an, surah al-Nisa, ayat: 102.

Rasulullah (s.a.w) sendiri menganjurkan sifat waspada ini kepada para pendakwah terutama yang sedang berhadapan dengan golongan kafir dan munafiq.¹⁴⁷ Waspada ini haruslah diiringi dengan rasa tawakkal kepada Allah (s.w.t) kerana walaupun mungkin pendakwah itu telah berjaga-jaga tetapi Allah menghendakinya, pasti sesuatu itu akan tetap berlaku meskipun usaha telah dilakukan untuk mengelakkannya. Antara perkara yang harus dititikberatkan oleh para pendakwah ialah berwaspada terhadap maksiat, keluarga dan anak, hawa nafsu dan juga waspada terhadap golongan kafir dan munafiq.

ii. Meminta bantuan daripada orang lain dan ianya sama ada meminta bantuan orang-orang tertentu untuk menjadi jurucakap pihak pendakwah ketika berdakwah ataupun dibenarkan juga para pendakwah meminta bantuan dari orang yang bukan Islam.

Contohnya ketika Nabi Musa (a.s) memohon kepada Allah agar menjadi Nabi Harun (a.s) sebagai pembantunya kerana Nabi Harun lebih pandai bercakap, contoh lain ialah ketika Rasulullah (s.a.w) meminta bantuan dari ketua-ketua kabilah agar melindunginya ketika berdakwah dan ketika mana Rasulullah (s.a.w) meminta agar Abu Talib bapa saudaranya supaya melindunginya ketika baginda berdakwah di Makkah.¹³⁹

¹⁴⁷ Dr. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 229

¹⁴⁸ *Ibid.*, hal. 243.

iii. Disiplin dan ianya adalah sesuatu yang paling baik dalam mengatur aktiviti yang dapat diarahkan kepada yang lebih baik dalam berdakwah dan menambahkan kemungkinan berjayanya seseorang pendakwah di dalam mencapai tujuannya. Tanpa disiplin yang teratur, pendakwah akan menemui kegalannya atau sekurang-kurangnya tidak mencapai sasaran yang diharapkan. Di samping itu juga, ketaatan kepada pemimpin perlu ada kerana di dalam bekerja secara berorganisasi, para pendakwah perlu akur dengan segala ketetapan yang telah diputuskan oleh para pemimpin mereka.¹⁴⁹

Bahagian yang kedua ialah Media Intern atau dalaman iaitu yang berhubung secara langsung dengan tugas-tugas yang berkaitan dengan penyampaian dakwah itu sendiri.¹⁵⁰

Media Intern sebenarnya merujuk kepada kaedah-kaedah yang digunakan ketika berdakwah atau dalam ertikata lain, saluran dakwah yang bagaimanakah yang digunakan bagi menyampaikan isi-isi dakwah untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah digariskan.

¹⁴⁹ *Ibid.*, hal. 248.

¹⁵⁰ *Ibid.*, hal. 225.

Ini termasuk menggunakan media lisan yang termasuk di dalamnya pidato, khutbah, kuliah pengajian, ceramah, seminar, menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran, diskusi atau dialog dan sebagainya, media tulisan seperti novel, cerpen, sajak, syair ataupun buku-buku ilmiah, media amal perbuatan iaitu dengan melaksanakan *amr makruf* dan *nahi mungkar* serta mengadakan projek-projek tertentu seperti khemah ibadat, projek khidmat masyarakat, pertunjukkan seni Islam dengan menampilkan alternatif hiburan dalam bentuk nasyid, pentomen dan sebagainya serta media dalam bentuk *qud wah hasanah* atau contoh teladan yang baik dari para pendakwah untuk ditampilkan kepada para *mad'nu*.

Justeru itu dakwah Islam dewasa ini hendaklah disesuaikan dengan segala bentuk media dakwah sama ada yang tradisional atau yang moden, supaya maklumat dakwah Islam dapat sampai kepada dasarnya dengan lebih cepat dan berkesan.

Di antara saluran dakwah yang boleh digunakan oleh para pendakwah ialah:

1.2.7.1! Dakwah Melalui Lisan

Lisan adalah media asas di dalam penyampaian dakwah.¹⁵¹ Sememangnya lisan memainkan peranan yang penting di dalam penyampaian dakwah kerana ia merupakan alat utama yang paling berkesan dalam menyampaikan mesej dakwah. Al-Qur'an sebagai sumber utama dakwah yang diturunkan oleh Allah (s.w.t) kepada Rasulullah (s.a.w) melalui perantaraan Jibril (a.s) adalah merupakan contoh yang unggul media yang menggunakan lisan. Rasulullah (s.a.w) sendiri menyampaikan dakwah kepada umat manusia seluruhnya melalui perantaraan lisan atau bahasa. Hal ini ditegaskan di dalam al-Qur'an dengan firman Allah:¹⁵²



فَلْ يَأْتِيَهَا النَّاسُ إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ إِنَّكُمْ جَمِيعًا

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya..."

Seterusnya firman Allah:¹⁵³

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَى قَوْمِهِ فَقَالَ يَقُولُونَ أَعْبُدُ وَآتَاهُ مَا لَكُمْ
وَمِنْ إِلَهٍ غَيْرِهِ إِنِّي أَخَافُ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ

¹⁵¹ M. Syafa'at Habib, *Buku Pedoman Dakwah*, Penerbit Widjaya Jakarta, cet. 1, 1982, hal. 23.

¹⁵² Al-Qur'an, surah al-'Araf, ayat: 158.

¹⁵³ Al-Qur'an, surah al-'Araf, ayat: 59.

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Sesungguhnya aku bimbang, kamu akan ditimpakazab hari yang besar (hari kiamat)”

Berdasarkan firman Allah di atas, jelas menunjukkan bahawa media lisan sememangnya penting untuk berdakwah dan setiap pendakwah hendaklah memberi perhatian terhadap kepentingan lisan kerana ia sangat memberi kesan di dalam jiwa manusia.¹⁵⁴

Sesuatu mesej dakwah hendaklah disampaikan dengan penggunaan lisan atau bahasa yang terang, jelas dan dapat difahami dengan baik oleh *mad'u* (sasaran dakwah) kerana ia hanya dengan cara demikian mesej dakwah akan dapat diterima. Setiap Rasul diutus oleh Allah (s.w.t) dengan bahasa yang dapat difahami oleh kaumnya dan dengan bahasa itu segala apa yang ingin disampaikan dapat difahami. Hal yang demikian ditegaskan oleh Allah (s.w.t) di dalam firman-Nya:¹⁵⁵

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا لِّيُنذِّكُرَ لِهِمْ

¹⁵⁴ M. Syaf'at, *op.cit.*, fat. 25.

¹⁵⁵ Al-Qur'an, surah Ibrahim, ayat: 4.

Maksudnya:

"Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka"

Satu perkara yang perlu diperhatikan oleh setiap para pendakwah bila berdakwah menggunakan lisan sebagai medianya ialah menilai terlebih dahulu kemampuan para sasaran (*mad'u*). Oleh itu, kebijaksanaan para pendakwah sangat perlu dalam menyesuaikan peringkat bahasa yang digunakan dengan melihat kepada latar belakang *mad'u* atau sasaran. Oleh itu, janganlah menggunakan istilah dan gaya bahasa yang sukar difahami kerana berjaya atau tidak sesuatu usaha dakwah itu bukanlah dinilai dari kehebatan para pendakwah menggunakan bahasa yang tinggi tetapi sejauh manakah penerimaan para *mad'u* terhadapnya.¹⁵⁶

Dakwah melalui lisan atau disebut juga dakwah melalui bahasa dan perkataan ini mempunyai beberapa bentuk saluran atau aktiviti yang dijalankan meliputi pidato, khutbah, ceramah, kuliah-kuliah pengajaran, seminar, perintah untuk berbuat baik dan mencegah dari kemungkaran,¹⁵⁷ diskusi atau dialog dan sebagainya.

¹⁵⁶ Amin Ahsan Islahi, *Serba Serbi Dakwah*, terj. Luqman Hakim, Penerbit, Pustaka Bandung, cpt. 1, 1989, hal. 16.

¹⁵⁷ Ali Jarisah (Dr.), *Pendakwah Bukan Pelampau*, terj. Dr. Hj Abdul Rahman, Pustaka Hizbi, Shah Alam, 1987, hal. 38.

Berikutnya akan diuraikan beberapa bahagian aktiviti dakwah melalui media lisan.

i. Pidato atau khutbah

Pidato atau khutbah ini merupakan salah satu media yang terbaik di dalam menyampaikan dakwah yang biasanya dilakukan dihalayak ramai. Pidato dakwah yang baik ialah yang terkandung di dalamnya ayat-ayat al-Qur'an atau hadis-hadis¹⁵⁸ Nabi kerana ia merupakan penguat hujah bagi dakwah yang disampaikan.

Pidato atau khutbah yang disampaikan juga hendaklah tidak terlalu panjang dan tidak terlalu kerap kerana ia boleh membosankan pendengar. Ada baiknya pendakwah memulakan pendahuluan pidato dengan kisah-kisah yang dapat menarik perhatian pendengar sekaligus menggunakan kesempatan yang ada untuk memainkan sentimen yang ada di dalam hati para pendengar.¹⁵⁹

¹⁵⁸ Sayyid 'Abdullah bin 'Alwi Al-Haddad, *Kelengkapan Dakwah*, terj. M. Ali Chasan Umar, C.V. Toha Putra, Semarang, 1980, hal. 37.

¹⁵⁹ *Ibid.*, hal. 38.

ii. Ceramah

Ceramah biasanya digunakan untuk memperbaiki sesuatu keadaan tertentu dengan mengemukakan bukti atau dalil serta menyebutkan pandangan orang lain dalam masalah itu dan mengemukakan pendapat yang benar.¹⁶⁰ Ceramah yang baik ialah ceramah yang terarah kepada tujuan dan sasarnya yang jelas dan nyata dan diikuti dengan keterangan yang lengkap dan rasional.

iii. Kuliah Bimbingan

Kuliah bimbingan atau pengajian kebiasaannya digunakan untuk menerangkan tentang ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi atau masalah-masalah agama terutamanya masalah feqah dan tauhid.¹⁶¹ Dalam pengajaran seperti ini, pendakwah berkesempatan untuk merapatkan lagi tali perhubungan dengan para *mad'u* (sasaran dakwah) dan ini memberikan ruang kepada para pendakwah untuk mengenali *mad'unya* dengan lebih dekat lagi.

¹⁶⁰ Dr. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 271.

¹⁶¹ ²Dr. Abdul Karim Zaidan, *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*, alih bahasa: H.M. Asywadie Syukur L.C. Media Dakwah, Dewan Pustaka Islam, Kuala Lumpur, 1980, hal. 270.

iv. Seminar

Seminar biasanya dilakukan berkenaan dengan satu-satu isu tertentu yang melibatkan para *mad'u* yang menjadi sasaran dakwah. Format seminar berbeza dengan yang lain kerana di dalam seminar beberapa orang ahli penal dari kalangan para pendapat akan terlibat membincangkan topik yang sama dari perspektif yang berlainan.¹⁶² Satu perkara yang harus diberi perhatian oleh para pendakwah ialah untuk tidak menjadikan seminar sebagai medan untuk berbahas dan mempertahankan pendapat masing-masing kerana ia sudah pasti menjauhkan *mad'u* dari menerima isi-isi dakwah.

v. Diskusi atau Dialog

Diskusi atau Dialog ini ia menjadi ruang di mana berlakunya perbincangan dan pertukaran pendapat di antara dua orang atau lebih mengenai sesuatu perkara.¹⁶³ Sejarah para Rasul telah membuktikan betapa kadang-kadang seruan dakwah belum diterima lagi oleh *mad'u*, ia telah

¹⁶² Prof. Madya Dato' Dr. Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, *op.cit.*, cet. 1, Kuala Lumpur, 1984, hal. 41.

¹⁶³ Drs. Abdul Kadir Munsyi, *Metode Diskusi Dalam Dakwah*, Penerbit Al-Ikhlas, Surabaya, Indonesia, 1981, hal. 5.

menjadi diskusi dan perdebatan. Hal ini dijelaskan oleh Allah (s.w.t) di dalam firmanNya:¹⁶⁴

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمٍ فَقَالَ يَقُولُونَ أَعْبُدُو اللَّهَ مَا لَكُمْ
مِّنْ إِلَهٍ غَيْرِهِ إِلَّا أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابٌ يَوْمَ عَظِيمٍ هٰذِهِ
قَالَ الْمَلَائِكَ مِنْ قَوْمِهِ بِإِنَّ النَّارَ كَفِيلٌ مُّثِينٌ هٰذِهِ
يَقُولُونَ لَيْسَ بِي ضَلَالٍ لَّكِنِّي رَسُولٌ مِّنْ رَّبِّ الْعَالَمِينَ هٰذِهِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: “Wahai kaumku? Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya aku bimbang, kamu akan ditimpakan azab hari yang besar (hari kiamat). Ketua-ketua dari kaumnya berkata: Sesungguhnya kami nampakmu (wahai Nuh) berada di dalam kesesatan yang nyata. Nabi Nuh menjawab: “Wahai kaumku! Tidak ada padaku sebarang kesesatan tetapi aku adalah seorang Rasul dari Tuhan sekalian alam”

Ayat di atas jelas menunjukkan keingkaran para *mad'u* dalam menerima dakwah yang disampaikan. Pendakwah ketika berdiskusi dan berdialog haruslah menggunakan kata-kata yang sopan, bersikap tenang, tidak menzahirkan rasa marah, penuh beradab, tidak menyenggung perasaan orang

¹⁶⁴ Al-Qur'an surah, al-'Araf, ayat: 59-61.

lain dan yang lebih penting lagi ialah tetap pendirian dalam menyatakan kebenaran walaupun ditentang hebat.¹⁶⁵

Kiranya diskusi atau dialog itu bertukar menjadi satu perdebatan yang sengit di antara pendakwah dan *mad'u*nya dan jelas menampakkan yang *mad'u* itu tidak akan menerima dakwah yang disampaikan, maka hendaklah pendakwah menghentikan perdebatan itu kerana ia hanya sia-sia dan akan mencetuskan perkara yang tidak diingini. Ini jelas sebagaimana dinyatakan oleh Allah di dalam firmanNya:¹⁶⁶

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلْيَؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيَكْفُرْ

Maksudnya:

“Dan katakanlah (wahai Muhammad):
Kebenaran itu datang dari Tuhan kamu, maka
sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia
beriman, dan sesiapa yang mahu kufur dan
ingkar, biarlah dia mengingkarinya”

vi. Menyuruh Kepada Kebaikan dan Mencegah Kemungkaran

Bentuk saluran ini biasanya dilakukan dengan perkataan iaitu dengan menggunakan lisan. Setiap pendakwah hendaklah mengetahui dengan jelas

¹⁶⁵ Drs. Abdul Kadir Munsyi, *op.cit.*, hal. 8.

¹⁶⁶ Al-Qur'an surah al-Kahf, ayat: 29.

tentang hukum berkenaan sesuatu perkara¹⁶⁷ iaitu apa yang disuruh dan apa yang dilarang supaya tidak berlaku salah faham dari *mad'u* tentang perkara tersebut.

Ia juga haruslah dilakukan dengan lemah lembut dan tidak menggunakan kekerasan dan paksaan. Pendakwah haruslah pandai menilai iaitu yang mana lebih patut diutamakan di antara menyeru yang *makruf* dan mencegah *mungkar* dengan melihat kepada keadaan *mad'u*.¹⁶⁸

1.2.7.2 Dakwah Melalui Tulisan

Tulisan juga adalah merupakan salah satu media dakwah yang penting tidak kira sama ada dalam bentuk novel, cerpen, sajak, syair, buku-buku ilmiah ataupun artikel-artikel yang ditulis di dalam majalah dan surat khabar.

Perkembangan media cetak yang semakin maju telah membantu usaha dakwah melalui media ini. Rasulullah (s.a.w) sendiri pernah menggunakan media ini ketika berdakwah kepada ketua-ketua negara bukan Islam. Baginda telah menulis surat kepada Raja Kisra di Parsi, Raja

¹⁶⁷ Abu Al-A'la al-maududi, *Petunjuk Untuk Juru Dakwah*, terj: Drs. H.M. Asywadie Syukur, L.C. Penerbit P.T. Al-Ma'arif, Bandung, Indonesia, cet. 1, 1982, hal. 56.

¹⁶⁸ *bid.*, hal. 57.

Herkules di Bizantin, Raja Meuquauqis di Mesir dan Raja Negus di Ethiopia.¹⁶⁹

Penulisan buku-buku dan artikel-artikel tentang Islam baik dari sudut apa sekalipun amat efektif dalam berdakwah lebih-lebih lagi apabila ia diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Begitu juga dengan penghasilan karya seperti novel, cerpen, sajak dan sebagainya yang bertemakan Islam dan kesedaran dapat membantu menyampaikan isi dakwah kepada para *mad'u* dengan cara yang lebih baik kiranya ia diolah dengan bahasa yang ringkas, mudah dan menarik¹⁷⁰ serta tidak mengutarakan persoalan yang rumit dan dapat dibicara oleh semua peringkat umur di dalam masyarakat.

1.2.7.3 Dakwah Melalui Amal Perbuatan

Yang dimaksudkan dengan amal perbuatan sebagai media atau saluran dakwah ialah sebarang bentuk aktiviti yang dilakukan yang dapat menyuruh *mad'u* ke arah kebaikan dan mencegahnya dari kemungkaran¹⁷¹ seperti mendirikan masjid, sekolah, mengadakan projek khemah ibadah, projek khidmat masyarakat dan sebagainya.

¹⁶⁹ Dr. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 280.

¹⁷⁰ *Ibid.*, hal. 281.

¹⁷¹ Amin Ahsan Islahi, *op.cit.*, hal. 30.

Sekiranya media dakwah melalui lisan mengenengahkan konsep *amr makruf nahi mungkar*, begitulah juga keadaannya dengan dakwah melalui amal perbuatan ini. Perbezaannya ialah dakwah melalui cara ini lebih mengutamakan perlaksanaan dan usaha mengadakan aktiviti-aktiviti yang dapat menari *mad'u* ke arah kebaikan dan menghalang mereka dari melakukan kemungkaran.

Dalam mencegah kemungkaran, Rasulullah bersabda:¹⁷²

من رأى منكم منكراً فاستطاع ان يغيره بيده فليغيره
بيده ، فان لم يستطع فبلسانه ، فان لم يستطع
فيقابله ، وذلك اضعف الايمان .

Maksudnya:

"Barangsiapa melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, jika tidak berkuasa maka dengan lidahnya, dan jika tidak berkuasa juga maka dengan hatinya dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman"

Di zaman sains dan teknologi ini, pendakwah harus menggunakan segala kesempatan yang ada baik dalam bentuk media cetak maupun media elektronik seperti radio, televisyen, facsimile, video-tex, telefex, mobile,

¹⁷² Imam Al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Al-Maktabah al-Islamiyyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', Istanbul, Turki, juz. 1, t.t, hal. 35.

telefon, mikrograf, komputer, satelit dan sebagainya untuk dimanfaatkan bagi tujuan dakwah.¹⁷³

1.2.7.4 · Dakwah Melalui Contoh Akhlak Yang Baik

Di antara media yang penting sekali di dalam menyampaikan dakwah dan untuk menarik perhatian orang terhadap Islam ialah dengan memberi contoh-contoh akhlak yang baik dari para pendakwah baik melalui perbuatannya, sifatnya, akhlaknya dan juga tindak tanduknya.¹⁷⁴

Ia juga disebut sebagai *qadwah* atau *Mau'izah Hasanah* sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah (s.w.t) di dalam firmanNya:¹⁷⁵

أَدْعُ إِلَّا سَبِيلَ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْمُحَسَّنَةِ
وَجَنِيدُهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan mau'izah hasanah (nasihat pengajaran

¹⁷³ Mohd. Yusuf Hussin, *Peranan Media Massa Dan Teknologi Komunikasi Dalam Gerakan Dakwah*, Kertas Kerja Kongres Dakwah Islamiah Se Malaysia, 10-12 Ogos 1990, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Pusat Islam, Kuala Lumpur, hal. 20.

¹⁷⁴ Dr. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 285.

¹⁷⁵ Al-Qur'an surah al-Nahl, ayat: 125.

*yang baik), dan berbahaslah dengan mereka .
(yang engkau serukan itu) dengan cara yang
lebih baik”*

Budi pekerti para pendakwah adalah ibarat sebuah buku yang dapat dibaca oleh semua orang. Ia memberikan pengertian dan contoh tentang ajaran Islam dan hanya dapat menarik perhatian orang supaya menumpukan perhatian kepadanya. Hakikatnya, akhlak dan contoh teladan yang baik itu lebih berkesan dari bentuk dakwah yang menggunakan bahasa atau media yang lain.¹⁷⁶

Agama Islam tersebar ke seluruh pelusuk dunia melalui contoh akhlak yang baik dan ia sangat memberi kesan terhadap mereka yang bukan Islam untuk memeluk Islam. Sejarah telah membuktikan bagaimana Rasulullah (s.a.w) berjaya mendakwahkan ramai dari kalangan kaum Quraisy Makkah dengan akhlak baginda yang mulai. Hal ini jelas ditegaskan oleh Allah di dalam firmanNya:¹⁷⁷

لَقَدْ كَانَ لِكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَشْوَأَ حَسَنَةٍ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ
وَآتَيْمُ الْآخِرَ وَذِكْرُ اللَّهِ كَيْرًا

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah (s.a.w) itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah (s.w.t) dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula

¹⁷⁶ Ibid.

¹⁷⁷ Al-Qur'an surah al-Ahzab, ayat: 21.

menyebut dan memperingati Allah (s.w.t) banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)"

Akhlik yang baik dari para pendakwah adalah sebagai contoh kepada orang lain dan ia hendaklah mengandungi dua dasar akhlak yang baik dan bersesuaian di antara perkataan dan perbuatan yang lahir dari para pendakwah.

Dasar yang pertama iaitu akhlak yang baik ialah yang meliputi segala ciri dan sifat yang baik yang perlu ada pada setiap pendakwah termasuk yang utama di antaranya sifat sabar dan pemaaf.¹⁷⁸

Sifat sabar adalah suatu sifat yang penting di dalam menyampaikan dakwah kerana pendakwah harus dapat bersabar di dalam melayani keranah *mad'u* yang berbagai-bagai. Sifat sabar ini Allah (s.w.t) telah menjelaskan di dalam firmanNya.¹⁷⁹

فَاصْبِرْ كَمَا صَرَّأْتُمُ الْعَزِيزَ مِنَ الرَّسُولِ

Maksudnya:

"Maka bersabarlah engkau (wahai Muhammad) sebagaimana sabarnya Rasul-rasul Uti-'Azmi' (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu)"

¹⁷⁸ Sayyid 'Abdullah bin 'Alwi Al-Haddad, *op.cit.*, hal. 63.

¹⁷⁹ Al-Qur'an surah al-Ahqaf, ayat: 35.

Setiap pendakwah harus bersifat toleransi, pemaaf dan sabar dalam menghadapi sebarang ujian. Beliau juga harus bersifat dengan segala sifat yang mulia kerana itu akan memudahkan orang lain menerima dakwah yang disampaikannya.¹⁸⁰

Dasar yang kedua pula ialah persesuaian di antara perkataan dan perbuatan yang lahir dari pendakwah itu sendiri. Ini penting bagi mengelakkan salah tanggap dari *mad'u* kiranya mereka melihat para pendakwah melakukan sesuatu yang bercanggah dengan apa yang telah disampaikan.

Pendakwah juga hendaklah selalu melatih dirinya agar sentiasa menyesuaikan di antara perkataan dan perbuatannya dan dengan itu dapat mendorong orang lain agar menerima dakwah yang disampaikannya itu.

Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa media atau saluran dakwah merupakan cara atau alat yang penting bagi kehidupan seseorang pendakwah yang benar-benar berjaya ialah mereka yang menjadikan Rasulullah (s.a.w) sebagai contoh teladan yang terbaik di dalam usaha gerak kerja dakwah.

¹⁸⁰ Dr. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 289.

1.3 RUMUSAN

Berdasarkan kepada huraian tentang kaunseling dan dakwah maka dapat dibuat sesuatu kesimpulan atau rumusan bahawa kaunseling dan dakwah mempunyai dua komponen ilmu yang berbeza. Kaunseling ialah pendekatan yang dibentuk oleh akal manusia. Manakala dakwah ialah pendekatan yang berlandaskan wahyu Ilahi.

Manakala objektif yang terdapat di dalam kaunseling, ternyata terdapat satu perbezaan yang sangat nyata dalam disiplin psikologi barat masa kini. Ia telah mengenepikan aspek-aspek paradigma Tuhan dan menolak sebarang unsur mistik serta fenomena yang tidak boleh ditakrifkan secara empirikal. Kaunseling barat juga telah memisahkan komponen rohani dalam proses kaunseling. Ini berbeza dengan pendekatan dakwah, di mana falsafah theocentric dan persoalan jiwa manusia adalah didasarkan kepada masalah-masalah ketuhanan, Dakwah berpusat pada Pencipta dan menjadikan komponen rohani sebagai teras perkembangan manusia.

Dari segi sumber dan kaedah pula, Islam tidak menolak apa yang telah diperincikan oleh pakar-pakar psikologi barat. Tetapi oleh kerana sumber dan kaedah kaunseling terdapat tercetus dari pemikiran manusia yang terbatas dan berasaskan kepada keadaan sekeliling yang terhad. Maka sudah tentu kaedah yang digunakan tidak dapat memberi jaminan bahawa ia dapat

diserapkan dalam semua keadaan dan kehendak manusia. Ini berbeza dengan kauseling Islam di mana sumber dan kaedahnya dari al-Qur'an yang merupakan cetusan wahyu dari Allah (s.w.t) yang unggul dan tidak dapat dipertikaikan oleh manusia.

Satu lagi perbezaan yang nyata ialah prinsip asas yang mendasarkan penghuraian tentang konsep manusia. Pendekatan Islam membicarakan psikologi manusia merangkumi aspek-aspek dari bagaimana ia dijadikan, tujuan kejadian serta entiti-entiti kerohanian yang terlibat. Sedangkan dalam pendekatan barat soal ini tidak diambil kira. Sebaliknya penumpuan lebih diutamakan kepada aspek-aspek tingkah laku.

Kaunseling Islam mempunyai matlamat yang lebih jauh dari praktikal kerana ia melengkapi segala aspek kehidupan di dunia dan di akhirat. Ini dapat difahami bahawa matlamat kaunseling dalam Islam adalah meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat. Di mana keseimbangan di dalam kedua-dua ini adalah merupakan sebab kesempurnaan hidup setiap individu muslim. Sekiranya penekanan hanya diberikan terhadap tuntutan di dunia sahaja, sudah tentu seseorang itu tidak akan dapat memenuhi tuntutan rohani yang berkaitan dengan alam akhirat.

Ini berbeza dengan kaunseling barat yang keseluruhan matlamat yang digariskan tidak mengambil kira aspek-aspek kehidupan selepas mati. Malah

ada di antara pakar psikologi barat yang tidak menerima langsung kewujudan alam akhirat. Oleh kerana itu penekanan kaunseling mereka hanya tertumpu kepada kehidupan di dunia yang bermatlamatkan kebendaan dan kepuasan akal fikiran manusia semata-mata.

Dari kenyataan di atas dapat dinyatakan bahawa Islam bukan sahaja cuba menyelesaikan masalah seharian manusia, tetapi ia juga lebih memahami bahawa manusia akan sentiasa cuba untuk mencari hakikat dirinya supaya tercapai ketenangan dan kesejahteraan diri.